



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

PENDIDIKAN MORAL

Aliran
Kemahiran

Tingkatan

4





RUKUN NEGARA

Bahawasanya Negara Kita Malaysia

mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia,
berikrar akan menumpukan
seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut
berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH (KSSM)
MATA PELAJARAN ALIRAN KEMAHIRAN (MPAK)

PENDIDIKAN MORAL

Aliran Kemahiran
Tingkatan

4

PENULIS

NUR MUNIRAH TEOH BINTI ABDULLAH
CHUA CHU TEE

EDITOR

HAMIDAH BINTI AHMAD

PEREKA BENTUK

JAMILATUL SALWA BINTI SHAHRUL

ILUSTRATOR

SAIFUL MANNAN BIN ZAINUDDIN



DBP

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2019



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0155

KK 370-221-0102011-49-2524-30101
ISBN 978-983-49-2524-6

Cetakan Pertama 2019
© Kementerian Pendidikan Malaysia 2019

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara bahan elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk
Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.
No. Telefon: 03-21479000 (8 talian)
No. Faksimile: 03-21479643
Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Atur Huruf:
Percetakan Mesbah Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: Arial
Saiz Muka Taip Teks: 12 poin

Dicetak oleh:
Firdaus Press Sdn. Bhd.,
No. 28, Jalan PBS 14/4,
Taman Perindustrian Bukit Serdang,
Seri Kembangan,
43300 Serdang,
Selangor Darul Ehsan.

PENGHARGAAN

Penghasilan buku ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat.

- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai-pegawai Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan dan Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jawatankuasa Pembaca Luar, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sekolah Menengah Convent Jalan Peel, Kuala Lumpur.
- Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Damai Perdana, Hulu Langat, Selangor.
- Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan, Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah.

KANDUNGAN

Pendahuluan		iv
5.0	INSAN BERMORAL	
Unit 1	Norma Masyarakat Malaysia	1
Unit 2	Akhlak Mulia Amalan Hidup	13
Unit 3	Adil dalam Membuat Keputusan	25
Unit 4	Pengguna Maklumat yang Berhemah	37
6.0	JATI DIRI MORAL	
Unit 5	Integriti Asas Keluarga Bahagia	49
Unit 6	Hargai Nyawa Anugerah Tuhan	61
7.0	MORAL DAN KENEGARAAN	
Unit 7	Hak Saya sebagai Warganegara Malaysia	73
Unit 8	Budaya Bekerjasama Masyarakat Malaysia	85
Unit 9	Berbelanja Secara Beretika	97
Unit 10	Keunikan Rakyat Identiti Negara	109
Unit 11	Kedaulatan Negara Tanggungjawab Bersama-sama	121
Glosari		132
Senarai Rujukan		132
Indeks		134

PENDAHULUAN

Buku teks *Pendidikan Moral Aliran Kemahiran Tingkatan 4* ini ditulis berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Moral Aliran Kemahiran Tingkatan 4 Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Buku ini berteraskan matlamat KSSM Pendidikan Moral Aliran Kemahiran, iaitu untuk membentuk insan berakhlak mulia dan berintegriti yang berpegang pada nilai universal berasaskan prinsip moral serta dapat menyumbang ke arah perpaduan, kesejahteraan negara dan masyarakat global.

Buku teks ini berfokus pada tiga bidang pembelajaran, iaitu Bidang Insan Bermoral, Jati Diri Moral serta Moral dan Kenegaraan. Bidang-bidang ini dibahagikan kepada 11 unit. Bagi memudahkan proses pembelajaran dan pemudahcaraan, setiap unit mengandungi Halaman Rangsangan, Laman Ilmu, Laman Minda, Laman Bestari, Laman Mutiara dan Laman Cakna.

Bersesuaian dengan ciri Pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21), buku teks ini menjadikan aktiviti belajar menjadi lebih aktif, mencabar kreativiti dan kemahiran berfikir serta menyeronokkan. Sehubungan dengan itu, setiap unit dalam buku teks ini mengandungi aktiviti *hands-on*, didik hibur dan pelbagai aktiviti PAK-21 yang dapat memberikan ruang kepada murid untuk berkomunikasi, berkolaboratif, berfikiran kritis, kreatif dan mengamalkan nilai murni.

Guru boleh mengubah suai aktiviti yang terdapat dalam buku teks ini agar sesuai dengan tahap kecerdasan, kebolehan dan persekitaran murid serta prasarana sekolah masing-masing. Buku ini juga menerapkan pelbagai kemahiran, seperti Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Kemahiran Penyelesaian Konflik dan Kemahiran Kreativiti. Elemen Pendidikan Kewangan juga diterapkan dalam buku ini supaya murid dapat membuat keputusan pengurusan kewangan yang bijak, mengamalkan pengurusan kewangan secara berhemah dan bertanggungjawab dalam menguruskan hal ehwal kewangan pada masa hadapan.

HALAMAN RANGSANGAN

Setiap unit dimulakan dengan halaman rangsangan. Halaman ini mengandungi Standard Pembelajaran, gambar berkaitan dengan kandungan unit, kata-kata hikmat dan cadangan nilai. Kesemua Standard Pembelajaran yang terdapat pada setiap unit menekankan tiga domain moral, iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral dalam kalangan murid. Gambar dan kata-kata hikmat yang terdapat pada halaman ini bukan sekadar hiasan kerana setiap satunya berfungsi dan membawa makna yang tersendiri bagi setiap unit. Guru juga boleh menggunakan gambar dan kata-kata hikmat ini sebagai set induksi untuk memulakan proses pembelajaran. Cadangan nilai yang terdapat dalam setiap halaman rangsangan merupakan nilai-nilai yang diharapkan dapat diamalkan oleh murid.

LAMAN ILMU

Laman Ilmu ialah bahagian konsep yang bertujuan untuk membantu murid mengetahui dan memahami kandungan yang ada pada setiap unit. Dari segi persembahan, setiap kandungan dipersembahkan dalam bentuk paparan yang lebih menarik, kreatif dan segar. Gabungan antara teks, ilustrasi dan variasi warna yang terdapat pada setiap halaman memberi murid pengalaman pembelajaran yang lebih menarik.

LAMAN MINDA

Laman Minda ialah bahagian pengukuhan yang bertujuan untuk mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran yang dikuasai oleh murid. Pelbagai aktiviti yang menarik diadakan untuk murid mengukuhkan pemahaman mereka terhadap kandungan yang dipelajari. Antara aktiviti yang terdapat di bahagian ini termasuklah pembelajaran berasaskan projek, penyelesaian masalah, bicara berirama, permainan, lakonan, temu bual dan aktiviti PAK-21 seperti Jalan Galeri (Gallery Walk), *Circle of Voices*, *Find-A-Treasure* dan Kongsi atau Kekal (Roam or Remain).

LAMAN BESTARI

Laman Bestari ialah bahagian pengayaan yang bertujuan untuk memperkaya pengetahuan, kemahiran dan pengalaman murid. Bahagian ini mengandungi pelbagai aktiviti yang mencabar minda murid seperti membuat kajian mini, sketsa, simulasi, kuiz, projek amal bakti dan aktiviti PAK-21 seperti Tiga Lilau Satu Kekal (Three Strays One Stay).

LAMAN MUTIARA

Laman Mutiara ialah bahagian pemulihan yang bertujuan untuk membantu murid memahami sesuatu konsep dan kemahiran yang dipelajari dengan mudah. Sehubungan dengan itu, bahagian ini menyediakan aktiviti didik hibur yang lebih mudah untuk dilaksanakan oleh murid. Antara aktiviti yang terdapat di bahagian ini termasuklah aktiviti mencari harta karun, main peranan, permainan stesen, membuat persembahan, pertandingan lagu, Kutub Utara Kutub Selatan dan Pembelajaran Bertiga (Learning Trios).

LAMAN CAKNA

Laman Cakna ialah bahagian penilaian yang bertujuan untuk menguji dan merangsang pengetahuan murid tentang kandungan yang dipelajari. Laman Cakna mengandungi Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A terdiri daripada pelbagai bentuk soalan seperti padanan, isi tempat kosong, betul atau salah dan soalan berstruktur. Bahagian B ialah soalan berbentuk esei yang menguji tahap pemikiran dan penguasaan murid terhadap kandungan yang telah dipelajari.

Nilai-nilai berikut akan diterapkan kepada murid untuk memastikan nilai-nilai universal dipupuk secara berterusan dalam diri murid.

NILAI	MAKSUD
Kepercayaan kepada Tuhan	Keyakinan wujudnya Tuhan sebagai pencipta alam dan mematuhi segala ajaran berlandaskan pegangan agama atau kepercayaan masing-masing selaras dengan prinsip Rukun Negara.
Bertanggungjawab	Kesanggupan untuk memikul dan melaksanakan tugas serta kewajipan dengan sempurna.
Berdikari	Kebolehan dan kesanggupan melakukan sesuatu tanpa bergantung pada orang lain.
Harga diri	Berupaya menjaga maruah diri.
Kerajinan	Usaha yang berterusan, bersungguh-sungguh dan berdedikasi dalam melakukan sesuatu.
Berterima kasih	Perasaan dan perlakuan untuk menunjukkan pengiktirafan dan penghargaan.
Patriotisme	Bangga dan taat setia kepada raja dan negara.
Kebebasan	Bebas melakukan sesuatu tertakluk pada peraturan dan undang-undang.
Keberanian	Kesanggupan untuk menghadapi cabaran dengan yakin dan tabah.
Kejujuran	Bercakap benar, bersikap amanah dan ikhlas dalam setiap perlakuan.
Rasional	Boleh berfikir berdasarkan alasan atau bukti yang nyata dan dapat mengambil tindakan yang wajar.
Baik hati	Kepekaan terhadap keperluan dan kebajikan diri dan orang lain dengan memberikan bantuan serta sokongan moral secara ikhlas.
Hemah tinggi	Beradab sopan dan berbudi pekerti mulia.
Hormat	Menghargai dan memuliakan seseorang serta menghormati peraturan institusi sosial.
Kasih sayang	Kepekaan dan perasaan cinta yang lahir daripada hati yang ikhlas.
Kerjasama	Melakukan sesuatu bersama-sama untuk kebaikan semua.
Kesederhanaan	Bersikap tidak keterlaluan dalam membuat pertimbangan atau perlakuan tanpa mengabaikan kepentingan diri dan orang lain.
Toleransi	Bertolak ansur, sabar dan mengawal diri demi kesejahteraan hidup diri dan orang lain.

Prinsip keadilan bermaksud mempertimbangkan sesuatu masalah secara objektif, wajar dan menyeluruh. Keputusan yang dibuat perlu berasaskan bukti yang nyata, bukan mengikut perasaan dan tidak prejudis.

Rajah di bawah menunjukkan beberapa prinsip keadilan dalam membuat keputusan yang adil.

Tidak membuat tuduhan tanpa bukti yang kukuh.

Tidak dipengaruhi oleh emosi dan hasutan.

Tidak menyebelahi mana-mana pihak.

Mendengar pandangan semua pihak.

Kesaksamaan dalam memberikan layanan tanpa mengira latar belakang, kaum, status, rupa dan jantina.

Yang berikut ialah satu situasi yang berlaku selepas aktiviti Pendidikan Jasmani.



CAKNA BAHASA

Menerangkan maksud tentang sesuatu perkataan yang digunakan dalam teks dengan merujuk *Kamus Dewan Edisi Keempat*.



Mengandungi soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang penting dalam ciri pengajaran dan PAK-21 yang memberikan penekanan kepada kemahiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. KBAT meningkatkan keupayaan dan kebolehan sedia ada murid untuk berfikir secara kreatif, kritis dan inovatif.

6.2.1 6.2.2
6.2.3 6.2.4
6.2.5

Standard Pembelajaran (SP) disertakan dalam setiap Halaman Rangsangan, Laman Ilmu, Laman Minda, Laman Mutiara dan Laman Bestari untuk menjadikan buku teks ini lebih mesra murid. SP mempunyai tiga domain, iaitu domain penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral. Domain penaakulan moral membolehkan murid berfikir sebelum bertindak. Domain emosi moral pula akan memotivasikan murid untuk membuat perlakuan moral. Domain perlakuan moral, menjurus ke arah pembentukan murid menjadi insan yang berakhlak mulia. Guru perlu merujuk ketiga-tiga domain tersebut dalam melaksanakan proses pembelajaran.

AKTIVITI 2 Persembahan Multimedia

Langkah Pelaksanaan

- Secara berkumpulan, bincang dan kenal pasti makanan atau adat resam yang semakin dilupakan oleh generasi muda.
- Cari dan kumpulkan maklumat berkaitan dengan makanan atau adat resam tersebut berdasarkan perkara berikut:
 - Asal usul dan keunikannya.
 - Cara untuk mengekalkan keunikannya.
 - Kepentingan mengekalkan keunikannya.
- Bentangkan maklumat yang dikumpul secara kreatif dengan menggunakan perisian multimedia.



Makanan daripada pelbagai kaum dapat menyatukan rakyat Malaysia. Bersetujukah anda? Jelaskan.

7.41 7.42
7.43 7.44
7.45

Setiap unit mempunyai ciri seperti yang berikut bagi menjanakan idea murid.

Lirik lagu patriotik "Sejahtera Malaysia".



Sejahtera Malaysia

*Puji dan syukur pada Ilahi
Anugerahnya tiada terhingga
Kedamaian kemakmuran
Malaysiaku bahagia*

*Dengan tekad untuk berjaya
Berkhakti pada nusa dan bangsa
Kami junjung cita-cita labur
Perpaduan seluruh negeri*

*Seia sekata sehati sejiwa
Menghadapi cabaran
Kami sedia kami setia
Berkorban untuk negara*

*Bersemarak Malaysia tercinta
Kibarkan panji kebesarnya
Kami rela menjaga namamu
Sejahtera Malaysia*

Penulis lirik:
Ratih Dewi Hadi Ninggar
Indy Kurnia Budisesjawan
Mohamed bin Rahmat

Sumber: Badan Perindungan Hak Cipta Pencipta Muzik Bhd. (MACP)

Imbas Saya

Mesej Lagu "Sejahtera Malaysia"

Lagu "Sejahtera Malaysia" mengajak rakyat Malaysia bersyukur kerana negara kita aman dan makmur dan menyeru rakyat Malaysia hidup bersatu padu.

BORANG PENILAIAN PERTANDINGAN LAGU PATRIOTIK

Kumpulan	Suara	Persembahan	Kreativiti	Cara Perbentangan Mesej Lagu	Jumlah Markah
	25 Markah	25 Markah	25 Markah	25 Markah	100 Markah
1					
2					
3					
4					

REFLEKSI

1. Apakah perasaan anda apabila melibatkan diri dalam pertandingan lagu patriotik bertemakan negara berdaulat? Mengapa?
2. Bagaimanakah anda dapat membantu mengekalkan kedaulatan negara?

7.5.3 | 7.5.4 | 7.5.5

129 KPM



Mengandungi maklumat tambahan berkaitan dengan perkara yang dibincangkan. Pengguna perlu memuat turun aplikasi pengimbas terlebih dahulu. Kod QR ini perlu diimbas dengan menggunakan gajet semasa bagi mengetahui kandungannya.

REFLEKSI

Membolehkan murid menilai diri sendiri berdasarkan pengalaman atau pengetahuan sedia ada. Soalan yang dikemukakan merangkumi penaakulan moral, emosi moral atau perlakuan moral.

SEGMENT SANTRI

Membolehkan murid memberikan jawapan secara mudah dan ringkas.

Nota Guru

Mengingatkan guru tentang peranan mereka sebagai fasilitator atau pemudah cara dalam menjalankan sesuatu aktiviti pembelajaran. Guru juga perlu memastikan murid mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti yang disediakan.

Kad Isu 3

Saya mendapat berita ini daripada seorang kawan. Terdapat beberapa orang kanak-kanak telah diculik. Awas! Kemungkinan anak kita pula berada di beberapa buah negeri untuk mencari mangsa.



Kad Isu 5

PROMOSI PALING HEBAT UNTUK TAHUN INI

Individu yang berumur 18-24 tahun sahaja layak menikmati promosi ini.



Tawaran yang diberikan adalah seperti yang berikut:

1. Memperoleh lesen motosikal tanpa perlu menjalani ujian Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).
2. Lesen ini disahkan dalam sistem JPJ.
3. Dijamin lulus selepas membuat pembayaran.

Seseorang yang menyebarkan maklumat palsu di media sosial, jika disabitkan kesalahan, boleh dituduh tidak melebihi satu tahun penjara atau denda tidak melebihi RM50 000.00 atau kedua-duanya.

Sumber: Akta Komunikasi dan Multimedia 1998

Nyatakan cara anda mengenal pasti sesuatu mesej sama ada sah atau palsu.



5.4.1 | 5.4.2 | 5.4.3 | 5.4.4 | 5.4.5

Nota Guru

Latih murid agar sentiasa berfikir dan memeriksa mesej atau maklumat yang diterima sebelum mempercayai dan menyebarkan. Didik budaya yang betul ketika menggunakan media sosial kepada murid.





Peta pemikiran digunakan secara meluas untuk mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir murid dalam menjanakan idea dan melihat sesuatu daripada pelbagai sudut. Pelbagai peta pemikiran boleh digunakan oleh murid semasa mempersembahkan hasil perbincangan seperti peta titi, peta pelbagai alir, peta buih, peta bulatan, peta buih berganda, peta pokok, peta dakap dan peta alir.

LAMARAN CAKMA

Bahagian A

1. Isi tempat kosong dengan jawapan yang tepat.

← pembaziran ← kecemasan ← hutang
→ tenteram → merancang → menjimatkan

2. Tandakan (✓) pada pernyataan yang menunjukkan amalan perbelanjaan yang beretika dan (✗) pada pernyataan yang sebaliknya.

Bil.	Pernyataan	(✓) atau (✗)
(a)	Semasa jualan murah, Siew Lin berasa gembira kerana dapat membeli semua barangan dengan harga yang berpatutan walaupun barang tersebut tidak diperlukannya.	
(b)	Kenny mempunyai sebuah buku catatan untuk mencatat perbelanjaannya setiap kali dia berbelanja.	
(c)	Bhevika tidak menghabiskan semua wang sakunya tetapi menyimpannya sedikit untuk disimpan di dalam tabung.	
(d)	Santha akan membelanjakan wangnya di kedai yang sama walaupun harga barang di kedai tersebut lebih mahal daripada kedai lain.	
(e)	Agus membeli semua barang dengan harga yang murah tanpa melihat tarikh luput barang tersebut.	

106
KPM

Penulis berharap agar buku teks ini dapat mendidik murid menjadi insan yang bermoral dan berkualiti setelah tamat persekolahan kelak. Murid yang mempelajari Pendidikan Moral Aliran Kemahiran ini dapat merungkai dan mencari penyelesaian bagi sebarang isu remaja atau dilema moral yang dihadapi oleh mereka dalam kehidupan. Murid juga dapat memiliki kemahiran hidup yang boleh digunakan pada masa akan datang seperti kemahiran berkomunikasi, berkolaborasi, berfikiran kreatif dan kritis, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah dalam dunia sebenar berteraskan amalan nilai murni. Semoga kemahiran keboleherjaan ini dapat membantu murid untuk bersedia ke alam pekerjaan dan memberikan kesan yang positif kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara.

**Nur Munirah Teoh binti Abdullah
Chua Chu Tee**

5.0 INSAN BERMORAL



Kita hendaklah menyesuaikan diri dengan masyarakat sekeliling agar hidup lebih diberkati.



UNIT 1

Norma Masyarakat Malaysia

Murid dapat:

- 5.1.1 Memberikan maksud norma masyarakat.
- 5.1.2 Menjelaskan dengan contoh cara mengamalkan norma masyarakat dalam pelbagai situasi.
- 5.1.3 Menghuraikan kepentingan norma masyarakat.
- 5.1.4 Mengekspresikan perasaan apabila dapat mematuhi norma masyarakat Malaysia.
- 5.1.5 mengamalkan norma masyarakat dalam kehidupan harian.

Cadangan Nilai

- Hormat
- Hemah Tinggi
- Rasional
- Kesederhanaan

Norma masyarakat bermaksud peraturan yang telah menjadi kebiasaan yang dipatuhi oleh anggota masyarakat. Contohnya, memberikan salam semasa berjumpa dengan jiran.

Terdapat beberapa jenis norma dalam masyarakat, iaitu norma keagamaan dan kepercayaan, norma kesopanan, norma kesusilaan dan norma undang-undang seperti ditunjukkan dalam peta minda di bawah.

NORMA

Norma Keagamaan dan Kepercayaan

Menghormati amalan keagamaan dan kepercayaan kaum lain.

Mengeratkan hubungan antara kaum.



Norma Kesopanan

Sentiasa berpakaian sopan.

Penampilan diri yang sopan akan disenangi oleh masyarakat.



Dapat memupuk perpaduan

Contoh - sikap suka bertegur sapa antara jiran pelbagai kaum menampakkan hubungan yang mesra antara satu sama lain.

Menghormati masyarakat

Contoh - menghormati generasi yang lebih tua tanpa mengira agama, bangsa, budaya dan bahasa.

Menjamin keharmonian masyarakat

Contoh - menghormati agama dan kepercayaan pelbagai kaum.

Kepentingan Mengamalkan Norma Masyarakat

Hidup aman dan damai

Contoh - bertolak ansur dan menyelesaikan sesuatu masalah dengan baik tanpa mengira kaum.

MASYARAKAT

Memberi salam - mengucapkan kata hormat seperti selamat sejahtera dan sebagainya.

Norma Kesusilaan

Mengambil barang dengan izin rakan.

Mengelakkan perselisihan faham.

Norma Undang-undang

Mematuhi peraturan dan undang-undang.

Dipandang tinggi oleh masyarakat.



Saya mempraktikkan nilai-nilai seperti yang berikut apabila mengamalkan norma masyarakat dalam kehidupan harian:

HORMAT

- Menggunakan kata panggilan seperti “encik” dan “puan” kepada orang yang tidak dikenali.
- Memberi salam semasa bertemu dengan orang lain.

HEMAH TINGGI

- Mengetuk pintu atau menekan loceng pintu atau pagar sebelum masuk ke rumah orang lain.
- Menggunakan bahasa yang sopan semasa bertegur sapa.

RASIONAL

- Menghindari perbuatan yang menyalahi undang-undang.
- Menjauhi perbuatan yang boleh menjejaskan perpaduan kaum.

KESEDERHANAAN


- Makan dengan tertib semasa menghadiri jamuan.
- Menghormati jiran tetangga.

AKTIVITI 1 Perbincangan

Baca dan fahami situasi di bawah.

SITUASI 1	SITUASI 2
Anda dan rakan menziarahi Suzi yang sedang sakit di rumahnya.	Anda mengikut Gurujeet ke gurdwara untuk melihat cara kaum Punjabi menyambut perayaan Vesakhi.
SITUASI 3	SITUASI 4
Anda bersama-sama keluarga menghadiri majlis pengebumian ketua kampung yang berlainan bangsa.	Anda mengikut ibu bapa menghadiri majlis perkahwinan anak Encik Helman, iaitu salah seorang penduduk di kawasan tempat tinggal anda.

Secara berpasangan, pilih dan bincangkan satu daripada situasi tersebut dengan menggunakan rajah di bawah. Kemudian, bentangkan hasil perbincangan.



REFLEKSI
Adakah anda mengamalkan nilai-nilai tersebut dalam kehidupan? Jelaskan.

Imbas Saya



Teks berkaitan dengan amalan nilai murni (capaian pada 19 September 2019)

AKTIVITI 2 Temu Bual

Secara berkumpulan, jalankan temu bual ringkas tentang sikap segelintir generasi muda yang tidak mengamalkan norma masyarakat dalam kehidupan harian. Anda boleh menjalankan kajian sama ada menemu bual murid, guru, kaunselor, anggota keluarga atau mana-mana anggota dalam masyarakat. Bentangkan hasil kajian anda secara kreatif.

BORANG TEMU BUAL

Tujuan Temu Bual: Mengetahui sebab dan akibat segelintir generasi muda tidak mengamalkan norma masyarakat dalam kehidupan harian.

Maklumat Diri

Nama: _____
Umur: _____
Kaum: _____
Jantina: _____

Soalan

1. Apakah perasaan anda apabila melihat sikap generasi muda yang tidak lagi mengamalkan norma masyarakat dalam kehidupan harian?

2. Pada pendapat anda, mengapakah keadaan ini berlaku?

3. Apakah kesan daripada perbuatan segelintir generasi muda ini terhadap kehidupan mereka?

4. Apakah kata-kata nasihat kepada generasi muda yang semakin melupakan amalan norma masyarakat dalam kehidupan harian?



Sebagai generasi muda, wajarkah amalan mematuhi norma masyarakat ini diteruskan dalam kehidupan anggota masyarakat Malaysia? Jelaskan.

AKTIVITI PAK-21 Tiga Lilau Satu Kekal (Three Strays One Stay)

Rajah menunjukkan amalan norma masyarakat Malaysia yang semakin dilupakan. Berdasarkan rajah tersebut, jalankan aktiviti di bawah.



Amalan Norma Malaysia yang

Amalan menghormati orang yang lebih tua.

Imbas Saya



Teks berkaitan dengan amalan berbudi bahasa (capaian pada 19 September 2019)

Amalan menghormati majlis.



Langkah Pelaksanaan

Langkah 1: Membincangkan Situasi dalam Kumpulan

1. Bincangkan peranan murid, ibu bapa, pihak sekolah dan pihak kerajaan untuk mengekalkan norma masyarakat Malaysia.
2. Sediakan hasil perbincangan secara kreatif dengan menggunakan peta minda.

Langkah 2: Melantik Ketua Kumpulan

1. Lantik ketua kumpulan untuk membentangkan hasil dapatan kumpulan masing-masing.
 - Ketua setiap kumpulan akan berada dalam kumpulan masing-masing untuk menerangkan dapatan kumpulan kepada ahli kumpulan lain.

Langkah 3: Mendapatkan Maklumat daripada Kumpulan Lain

1. Ahli kumpulan bergerak ke kumpulan lain.
2. Tanyakan hasil dapatan kumpulan tersebut.
3. Catat maklumat baharu yang diperolehi.



Masyarakat Semakin Dilupakan

Amalan menziarahi
orang yang sakit.



Amalan kunjung-mengunjungi
pada hari perayaan.

Langkah 4: Meneruskan Sesi Pembentangan

1. Teruskan sesi pembentangan sehingga semua ketua kumpulan selesai membentangkan hasil dapatan kumpulan masing-masing.
2. Ahli kumpulan kembali ke kumpulan masing-masing.

Langkah 5: Menambah Baik Hasil Kerja

1. Tambah baik hasil kerja kumpulan berdasarkan maklumat baharu yang diperolehi.



Pihak yang manakah perlu memainkan peranan penting dalam mengekalkan norma masyarakat Malaysia? Mengapa?

5.1.2

5.1.3

5.1.5

AKTIVITI Menghasilkan Poster Menggunakan Perisian Multimedia

1. Bentukkan kumpulan anda sendiri.
2. Baca dan fahami mesej yang terdapat dalam slogan di bawah yang berkaitan dengan kepentingan mengamalkan norma masyarakat.
3. Pilih salah satu slogan dan hasilkan poster mengikut langkah di bawah.

**BUDI BAHASA BUDAYA KITA
AMALAN HIDUP AMAN DAN DAMAI**

**SALING MENGHORMATI
HIDUP LEBIH HARMONI**

**RAMAH MESRA ELOK PEKERTI
PERPADUAN TETAP DI HATI**

**BERSIKAP SEDERHANA
DISANJUNG MASYARAKAT**

**SAYANG-MENYAYANGI
KUKUHKAN IKATAN**

**ORANG BERBUDI KITA BERBAHASA
IMEJ NEGARA DAPAT DIJAGA**


Langkah 1

1. Pilih perisian yang sesuai.
2. Klik *DESIGN*.
3. Klik *SLIDE SIZE*.
4. Pilih *CUSTOM SLIDE SIZE*.




Langkah 2

1. Klik *SLIDE SIZE*. Pilih saiz yang dikehendaki.
2. Klik *ORIENTATION FIELD*. Pilih *LANDSCAPE* atau *POTRAIT* (mengikut kesesuaian poster).
3. Klik *OK*. Pilih *MAXIMIZE* atau *ENSURE FIX*.




Langkah 3

1. Klik *DESIGN*. Pilih latar belakang yang dikehendaki.



Langkah 4


1. Klik *HOME*. Klik *LAYOUT*. Pilih *FACET BLANK*.






1. Klik *INSERT*. Pilih *TEXT BOX*.
Taipkan slogan yang dipilih.

Langkah
5




1. Klik *PICTURES* atau klik *ONLINE PICTURES*. Cari dan pilih gambar yang bersesuaian dengan tema.
2. Buat reka letak anda sendiri hingga selesai.

Langkah
6



1. Klik *FILE*.
2. Klik *EXPORT*.
3. Pilih *CREATE PDF/XPS*.

Langkah
7



1. Klik *CREATE PDF/XPS*.
2. Klik *PUBLISH*.

Langkah
8



Bentangkan poster kumpulan anda di hadapan kelas. Bincangkan mesej yang terdapat dalam poster dengan merujuk nilai-nilai yang dipelajari.

REFLEKSI

Apakah perasaan anda apabila dapat mematuhi norma masyarakat dalam kehidupan harian? Jelaskan.

5.1.2
5.1.3 5.1.4
5.1.5

Nota Guru

Aktiviti ini boleh dijalankan di makmal komputer. Galakkan murid untuk mencetak dan menampal poster yang dihasilkan di tempat yang sesuai.

q
KPM

Bahagian A

1. Padankan pernyataan A dengan pernyataan B.

Pernyataan A

- (a) Sikap saling memahami dan menghormati norma masyarakat pelbagai kaum dapat
- (b) Kita hidup saling menghormati
- (c) Rakyat Malaysia bersyukur dapat hidup aman dan damai dengan
- (d) Amalan kunjung-mengunjungi ke rumah rakan berlainan kaum dapat
- (e) Masyarakat berbilang kaum akan bekerjasama membersihkan kawasan perumahan apabila

Pernyataan B

- mengamalkan norma masyarakat dalam kehidupan harian.
- mengeratkan hubungan antara satu sama lain.
- aktiviti gotong-royong diadakan.
- walaupun penduduk Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum.
- memupuk semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

2. Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

Situasi

- (a) Grace tidak membuat bising semasa rakan-rakannya bersembahyang.
- (b) Jargit sentiasa berpakaian sopan apabila menghadiri majlis yang dianjurkan oleh penduduk setempat.
- (c) Yong Yuk membantu penduduk kampung mengadakan majlis meraikan anggota masyarakat setempat yang berjasa.
- (d) Casie tidak suka membazir apabila menggunakan air dan elektrik di kawasan tempat tinggalnya.
- (e) Gopal sentiasa bertolak ansur apabila jirannya menjalankan upacara keagamaan.

Nyatakan Sebab

●	
●	
●	
●	
●	

3. Tandakan (✓) pada pernyataan yang menunjukkan amalan norma masyarakat dan (✗) pada pernyataan yang tidak menunjukkan amalan norma masyarakat.

Bil.	Pernyataan	(✓) atau (✗)
(a)	Amalkan sikap bertegur sapa dengan penduduk setempat.	
(b)	Janganlah kita menjerit-jerit dan bercakap dengan kuat apabila menghadiri sesuatu majlis.	
(c)	Laporkan kepada pihak berkuasa apabila ternampak pihak yang tidak bertanggungjawab membuang sampah ke dalam sungai.	
(d)	Gunakan panggilan yang sesuai semasa berbual dengan jiran.	
(e)	Hulurkanlah bantuan kepada penduduk yang kesusahan.	

4. Situasi di bawah berkaitan dengan Swee Lim dan rakan-rakannya.

Swee Lim dan rakan-rakannya telah pergi ke sebuah kampung untuk menjalankan kajian lapangan. Mereka akan berada di kampung tersebut selama beberapa hari.

- (a) Berikan dua cara Swee Lim dan rakan-rakannya menyesuaikan diri mereka di kampung tersebut.
- (i) _____
- (ii) _____
- (b) Ramalkan kesan yang berlaku sekiranya Swee Lim dan rakan-rakannya tidak dapat menyesuaikan diri di kampung tersebut.
- _____
- _____
- (c) Apakah nilai yang patut diamalkan oleh Swee Lim dan rakan-rakannya semasa berada di kampung tersebut?
- _____
- _____

Bahagian B (Esei)

Perbualan di bawah menunjukkan seorang remaja, Ivan tidak mahu mengikut ibu bapanya menghadiri majlis perkahwinan jiran mereka. Berdasarkan perbualan tersebut, berikan pendapat anda terhadap sikap Ivan. Huraikan jawapan anda.

Ibu: Ivan, kenapa kamu masih tidak bersiap-siap lagi? Marilah ikut ibu dan ayah menghadiri majlis perkahwinan anak jiran kita.

Ivan: Saya tidak mahu pergi, ibu. Saya tidak kenal dengannya. Ibu pergilah dengan ayah.



**Hidup menjadi lebih indah
apabila kita taburkan kebaikan
kepada semua makhluk.**

UNIT 2

Akhlak Mulia Amalan Hidup

Murid dapat:

- 5.2.1 Menyenaraikan ciri individu yang berakhlak mulia.
- 5.2.2 Menjelaskan dengan contoh cara mempraktikkan akhlak mulia.
- 5.2.3 Menghuraikan kepentingan berakhlak mulia.
- 5.2.4 Mengekspresikan perasaan apabila dapat berakhlak mulia dalam kehidupan harian.
- 5.2.5 Mengamalkan akhlak mulia dalam kehidupan harian.

Cadangan Nilai

- Hemah Tinggi
- Harga Diri
- Bertanggungjawab
- Kejujuran

Kita perlu mengamalkan sikap berakhlak mulia dalam kehidupan harian. Akhlak mulia ini perlu diamalkan kepada sesama manusia dan kepada makhluk yang lain.

1 Hello! Siapakah ini? Kamu telah menekan nombor telefon yang salah. Telitilah dahulu sebelum menekan nombor telefon.

2 Sabar, Ho Yuen. Janganlah marah-marah. Kasihan dia dimarahi begitu. Mungkin dia tidak sengaja tertekan nombor telefon kamu.


3 Ya, betul kata Pretha. Semalam, saya lihat kamu begitu prihatin apabila membantu rama-rama yang tercedera. Sekarang kamu bercakap kasar pula sesama manusia.

4 Mengapakah kamu kasihan kepada dia, Pretha? Kamu bukan kenal dia.

5 Saya kasihan kerana kamu menggunakan bahasa yang kasar semasa memarahinya. Gunakanlah tutur kata yang lembut dan sopan apabila bercakap walaupun dengan orang yang tidak dikenali. Dengan cara ini, kita akan dianggap sebagai remaja berakhlak mulia.

6 Ho Yuen, kamu tidak boleh cepat marah. Kamu perlu sentiasa bersabar dan bersangka baik serta sudi memaafkan orang lain. Sikap mulia ini akan membolehkan kita hidup gembira dan disayangi semua.






Imbas Saya

Teks daripada Buletin Integriti berkaitan dengan akhlak mulia dan pemupukan integriti dalam pendidikan (capaian pada 19 September 2019)

CAKNA BAHASA

Suri teladan - contoh yang baik (yang patut ditiru).

KEPENTINGAN BERAKHLAK MULIA



Saya berakhlak mulia apabila mengamalkan nilai-nilai seperti yang berikut:

- HEMAH TINGGI** Bertutur dengan sopan dan menggunakan nada suara serta bahasa yang santun apabila bertutur.
- HARGA DIRI** Menghindari gejala sosial dan perbuatan yang menjejaskan maruah diri.
- BERTANGGUNGJAWAB** Melindungi flora dan fauna yang dianugerahkan oleh Tuhan.
- KEJUJURAN** Bercakap benar dan ikhlas dalam menjalinkan persahabatan.

AKTIVITI PAK-21 Fail Edar

Langkah Pelaksanaan

1. Bentukkan kumpulan anda sendiri.
2. Buka fail yang mengandungi kad situasi.
3. Bincangkan situasi yang dicatatkan dalam kad situasi berdasarkan perkara seperti yang berikut:
 - (a) Kenal pasti sikap berakhlak mulia atau tidak berakhlak mulia dan senaraikan.
 - (b) Kesan mengamalkan sikap berakhlak mulia atau tidak berakhlak mulia terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara.
 - (c) Tindakan berakhlak mulia yang sepatutnya diamalkan.
4. Hentikan perbincangan apabila tempoh tamat.
5. Tulis jawapan yang dibincangkan dan masukkannya ke dalam fail.
6. Edarkan fail ini kepada kumpulan lain untuk penambahbaikan.
7. Ulang langkah di atas sehingga semua fail telah diedarkan dan dibincangkan oleh semua kumpulan.
8. Buat rumusan dan bentangkan hasil perbincangan secara kreatif.



Kad Situasi 1

Seorang remaja lelaki yang menggunakan nama samaran “Tebumanis” di laman sosial telah memeras ugut seorang gadis yang telah menolak cintanya. “Tebumanis” mengugut akan menularkan gambar gadis tersebut yang berpakaian tidak sopan.

Imbas Saya



Slaid berkaitan dengan pengurusan media sosial dalam sektor kerajaan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) (capaian pada 19 September 2019)

Kad Situasi 2

Seorang gadis, Epy menjadi terkenal kerana sering berkongsi videonya melalui media sosial tentang cara menyolek seseorang. Dia juga mempunyai ramai pengikut di laman sosial kerana penampilannya yang sopan.





Kad Situasi 3

Subhi gemar berkongsi video tentang aktiviti menyelenggara dan membaiki pulih tempat-tempat bersejarah yang dijalankan oleh pelbagai pihak. Subhi turut berkongsi maklumat tentang tempat-tempat bersejarah yang boleh dilawati dengan rakan-rakan di Malaysia dan di luar negara.

Kad Situasi 4

Jenny sering berkongsi gambar dan maklumat tentang kucing yang terbiar. Kucing-kucing tersebut akan dibawa ke klinik haiwan sebelum dipelihara. Jenny juga menawarkan perkhidmatan mencari kucing yang hilang kepada orang ramai.



Kad Situasi 5



Blog seorang penulis bernama “Boneka” mempunyai ramai pengikut kerana dia berani mengkritik sesuatu perkara yang dianggapnya tidak betul. Dia menggunakan bahasa yang kasar untuk menegur individu yang tidak menjaga kebersihan kawasan pelancongan.

ETIKA SEBAGAI PENGGUNA MEDIA SOSIAL

1. Menggunakan bahasa yang sopan.
2. Menyemak ketepatan dan sensitiviti maklumat.
3. Berkongsi maklumat yang berfaedah.
4. Tidak menularkan maklumat berunsur fitnah atau serangan peribadi.
5. Mendapatkan kebenaran daripada pihak yang berkaitan sebelum menggunakan sesuatu karya.
6. Memohon maaf sekiranya terdapat kesilapan pada maklumat yang telah ditularkan.



Sebagai remaja, nyatakan kepentingan menggunakan media sosial secara berhemah.

SEGMENT SANTAI

AKTIVITI Main Peranan

Sekolah Vokasional Akasia akan mengadakan kempen pemilihan pemimpin murid bagi tahun tersebut.

Langkah Pelaksanaan

1. Murid dibahagikan kepada empat kumpulan.
2. Setiap kumpulan diminta memilih seorang wakil untuk main peranan sebagai calon pemimpin murid yang akan berkempen.
3. Ahli kumpulan diminta bersama-sama menyediakan manifesto untuk calon yang dipilih berkempen.
4. Setiap calon akan menjalankan kempen manakala murid yang tidak bertanding sebagai calon akan diberikan Borang Pemilihan Pemimpin Murid untuk diisi.
5. Murid akan memasukkan Borang Pemilihan Pemimpin Murid ke dalam kotak undi yang disediakan.
6. Undi akan dikira dan calon yang mendapat undian terbanyak dipilih sebagai pemimpin murid.

BORANG PEMILIHAN PEMIMPIN MURID			
Nama Calon	Manifesto	Akhlaq Mulia yang Ada pada Calon	Tandakan (✓) Calon yang Dipilih
Tiu Tze Shen			
Sanjana Menon			
Afina Sabahi			
Rusdi bin Saiful			



CAKNA BAHASA

Manifesto - pengisytiharan kepada orang ramai tentang dasar (tujuan dan lain-lain) sesuatu parti politik sebelum pilihan raya dan lain-lain.



TIW TZE SHEN

Seorang yang adil, prihatin dan bersopan santun.

Hobi: Mengumpul setem dan melayari Internet

Moto: Jika ingin hidupmu baik, mulakan harimu dengan sikap yang mulia.

SANJANA MENON

Seorang yang penyabar dan pemurah.

Hobi: Suka berkawan, menyayangi haiwan dan gemar melakukan kerja amal.

Moto: Sekali gagal bukan bererti gagal selamanya.




AFINA SABAH

Seorang yang bertimbang rasa, suka merendah diri dan berdikari.

Hobi: Memancing, melakukan aktiviti lasak dan menari tarian tradisional.

Moto: Hidup ini indah jika kita sentiasa bersyukur.



RUSDI BIN SAIFUL

Seorang yang jujur, yakin pada diri sendiri dan suka memberikan pendapat.

Hobi: Bersukan, membaca dan memasak.

Moto: Tiada kejayaan tanpa usaha.



Mengapakah pemimpin negara perlu menunjukkan akhlak yang mulia? Jelaskan.

AKTIVITI **Kuiz Roda Impian Berakhlak Mulia****Langkah Pelaksanaan**

1. Bentukkan kumpulan sendiri.
 2. Lantik seorang penjaga masa dan pencatat markah.
 3. Pilih seorang wakil untuk memusingkan Roda Impian Berakhlak Mulia.
 4. Ambil kad soalan mengikut nombor yang ditunjukkan pada roda apabila roda berhenti berpusing.
 5. Baca kad soalan tersebut.
 6. Bincangkan soalan tersebut dalam kumpulan.
 7. Tulis jawapan sebanyak mungkin dalam tempoh yang ditetapkan.
 8. Pamerkan jawapan yang ditulis untuk penilaian.
- Jika jawapan yang ditulis itu betul, satu markah akan diberikan.
 - Jika jawapan berulang bagi kad soalan yang sama, tiada markah diberikan.
 - Kumpulan yang mendapat markah tertinggi dipilih sebagai pemenang.
 - Guru boleh berperanan sebagai juri.

Peralatan

1. Roda Impian Berakhlak Mulia
2. Kad soalan
3. Jam randik
4. Papan tulis mini
5. Pen penanda



“Akhlak mulia membentuk keluarga bahagia”. Jelaskan.

Kuiz Roda Berakhlak



KAD SOALAN

1 Lengkapkan slogan di bawah menjadi empat perkataan.
“Akhlak mulia _____”.

2 Gambarkan perasaan anda setelah berjaya melukis mural yang diarahkan oleh guru.

3 Bagaimanakah anda menolak ajakan negatif rakan sebaya?

4 Nyatakan nilai yang perlu diamalkan untuk menjadi tokoh remaja yang berakhlak mulia.

5 Siapakah tokoh berakhlak mulia yang anda kagumi?

6 Senaraikan contoh perlakuan negatif yang boleh menjejaskan maruah anda.

7 Nyatakan kepentingan remaja mengamalkan akhlak mulia.

8 Apakah ciri-ciri berakhlak mulia yang anda amalkan?



Bahagian A

1. Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (✗) pada pernyataan yang salah.
 - (a) Remaja perlu beradab sopan terhadap anggota masyarakat supaya mendapat pujian dan ganjaran. ()
 - (b) Kesanggupan pihak angkatan tentera mempertahankan negara daripada serangan musuh menunjukkan sikap patriotik yang mesti dicontohi. ()
 - (c) Kita perlu segera membantu orang yang dalam kesusahan. ()
 - (d) Remaja tidak boleh menolak ajakan negatif daripada rakan sebaya kerana perbuatan tersebut dianggap tidak menghormati rakan sebaya. ()
 - (e) Individu yang mengamalkan akhlak mulia dalam hidup akan menyebabkan dirinya dan orang lain berasa gembira dan bahagia. ()

2. Pilih pernyataan yang berkaitan dengan sikap berakhlak mulia dan tidak berakhlak mulia. Isikan jawapan dalam jadual di bawah.


- (a) Hendry menyalahkan ketua pasukannya yang menyebabkan mereka gagal menjaringkan gol semasa perlawanan pada peringkat suku akhir.
- (b) Pengemis itu sanggup berkongsi makanannya dengan anak kucing yang kelaparan.
- (c) Zhi Lun menularkan mesej yang diterima daripada kawan baiknya kerana berasa seronok walaupun dia sedar mesej tersebut tidak berfaedah.
- (d) Reshmi menolak ajakan rakannya secara sopan untuk mendaki Gunung Kinabalu kerana ibu jari kakinya tercedera.
- (e) Malee tidak bertegur sapa dengan jirannya yang baru berpindah kerana jirannya itu kelihatan sombong.

Sikap Berakhlak Mulia	Sikap Tidak Berakhlak Mulia

3. Gambar berikut berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan yang terancam habitatnya.



- (a) Mengapakah tumbuhan yang terancam seperti periuk kera dan bunga pakma perlu dilindungi?
- _____
- (b) Jelaskan sikap berakhlak mulia yang harus diamalkan oleh masyarakat untuk melindungi habitat di hutan.
- _____
- (c) Lengkapkan peta pelbagai alir berkaitan dengan sebab dan akibat kerosakan hutan.



- (d) Bagaimanakah anda dapat menunjukkan sikap menyayangi dan menghargai khazanah hutan?
- _____


Bahagian B (Esei)

Yang berikut merupakan profil Ramesh, pemimpin murid di Sekolah Menengah Kebangsaan Dahlia.



Berdasarkan profil tersebut, bagaimanakah Ramesh dapat memberikan sumbangan kepada sekolahnya? Huraikan.





**Yang benar tetap benar,
yang salah tetap salah.
Tidak kira kaya atau miskin,
keadilan tetap sama.**

UNIT 3

Adil dalam Membuat Keputusan

Murid dapat:


- 5.3.1 Memberikan maksud prinsip keadilan.
- 5.3.2 Menjelaskan cara membuat keputusan yang adil dalam menghadapi sesuatu situasi.
- 5.3.3 Menghuraikan kepentingan prinsip keadilan dalam membuat keputusan.
- 5.3.4 Mengekspresikan perasaan apabila dapat mengamalkan prinsip keadilan dalam membuat keputusan.
- 5.3.5 Mengambil tindakan prinsip keadilan dalam membuat keputusan yang adil dalam kehidupan harian.

Cadangan Nilai

- Kasih Sayang
- Bertanggungjawab
- Kejujuran
- Keberanian

Prinsip keadilan bermaksud mempertimbangkan sesuatu masalah secara objektif, wajar dan menyeluruh. Keputusan yang dibuat perlu berasaskan bukti yang nyata, bukan mengikut perasaan dan tidak prejudis.

Rajah di bawah menunjukkan beberapa prinsip keadilan dalam membuat keputusan yang adil.



Yang berikut ialah satu situasi yang berlaku selepas aktiviti Pendidikan Jasmani.



CAKNA BAHASA

Prejudis - perasaan atau pendapat yang tidak berasas terhadap sesuatu (kaum, agama, bahasa dan sebagainya).

Andaikan anda guru disiplin, selesaikan masalah tersebut secara adil berdasarkan langkah-langkah seperti yang berikut:

1. Meminta penjelasan berkaitan dengan masa dan tempat kejadian daripada murid yang kehilangan dompet.
2. Memanggil Lina dan Molly untuk siasatan lanjut.
3. Menanyakan beberapa orang saksi, sekiranya ada.
4. Melakukan pemeriksaan mengejut kepada murid-murid yang terlibat dalam aktiviti Pendidikan Jasmani.
5. Sekiranya hasil siasatan menunjukkan memang benar Molly yang mencuri dompet tersebut, hukuman yang setimpal perlu diberikan kepadanya. Sekiranya hasil siasatan menunjukkan Molly tidak bersalah, Lina perlu meminta maaf kepada Molly kerana telah bersangka buruk terhadapnya.
6. Sekiranya hasil siasatan menunjukkan murid lain yang mencuri dompet tersebut, murid yang berkenaan perlu dikenakan hukuman yang setimpal.

Keputusan Prinsip Keadilan dalam Membuat Keputusan



Saya mengamalkan prinsip keadilan dalam membuat keputusan dengan mengamalkan nilai-nilai seperti yang berikut:

KASIH SAYANG

- Peka dan saksama terhadap perasaan dan keperluan semua pihak.
- Prihatin terhadap hak seseorang tanpa sebarang prejudis.

BERTANGGUNGJAWAB

- Menjalankan tugas dengan tidak berat sebelah.
- Membuat keputusan dengan bukti yang kukuh.

KEJUJURAN

- Bercakap benar dan tidak menipu.
- Memberikan maklumat yang betul tanpa menokok tambah.

KEBERANIAN

- Sanggup mempertahankan kebenaran.
- Berani untuk membongkar penyelewengan atau ketidakadilan.

AKTIVITI **PAK-21** *Circle of Voices***Langkah Pelaksanaan****Langkah 1: Mengambil Kad Situasi**

1. Setiap kumpulan diminta duduk dalam bulatan.
2. Setiap kumpulan diberikan satu kad situasi untuk dibincangkan.

Langkah 3: Membentangkan Hasil Perbincangan

1. Ahli kumpulan menyumbangkan idea untuk menghasilkan peta minda secara kreatif bagi mencatat hasil perbincangan kumpulan.
2. Ketua kumpulan memilih seorang wakil untuk membentangkan hasil perbincangan tersebut.

Langkah 2: Membaca Kad dan Memberikan Pendapat

1. Ketua kumpulan membacakan kad situasi yang diberikan.
2. Setiap ahli kumpulan secara bergilir-gilir perlu bercakap dan memberikan pendapat berpandukan contoh Borang Membuat Keputusan yang disediakan.

Langkah 4: Merumus

1. Selepas mendengar pembentangan oleh wakil kumpulan, murid-murid daripada kumpulan lain diminta mengangkat kad “Adil” atau kad “Tidak Adil” bagi menyatakan pendapat mereka.
2. Murid yang menunjukkan kad “Tidak Adil” akan diminta memberikan pendapat masing-masing.
3. Rumusan dibuat bersama-sama guru bagi menentukan keputusan yang adil.



Kad Situasi 1

Jun Yi menuduh Han Soon menyembunyikan beg sekolahnya setelah dia ternampak Han Soon berbisik dengan Danish. Han Soon menafikan tuduhan tersebut tetapi Jun Yi tidak mempercayainya. Oleh sebab tidak berpuas hati, Jun Yi telah menarik baju Han Soon sehingga terkoyak.

Kad Situasi 2

Stella membuat laporan kepada guru disiplin bahawa Janice meniru semasa ujian. Hal ini dikatakan demikian kerana dia ternampak Janice sedang membaca sesuatu ketika ujian. Tambahan pula, Janice telah mendapat markah yang tinggi dalam ujian tersebut. Janice tidak berpuas hati dengan tuduhan tersebut lalu menularkan cerita bahawa Stella seorang pendengki.

Kad Situasi 3

Kino dan kawan baiknya, Khir telah ditangkap kerana membawa rokok ke sekolah. Pengawas memberitahu guru disiplin bahawa rokok tersebut kepunyaan Kino kerana berada di dalam begnya. Walau bagaimanapun, Kino menafikannya kerana dia tidak menghisap rokok. Kino memberitahu bahawa Khir memintanya untuk menyimpan rokok tersebut. Namun, Khir menafikannya.

Kad Situasi 4

Cikgu Amy telah melaporkan kepada guru disiplin bahawa Julie mengingkari arahannya. Julie tidak mahu mengutip sampah seperti yang diarahkan dengan alasan bahawa dia tidak membuang sampah tersebut. Apabila Cikgu Amy tegas meminta Julie mengutip sampah tersebut, Julie marah lalu menghentakkan kerusinya.

CONTOH BORANG MEMBUAT KEPUTUSAN

Kad Situasi	Cara Penyelesaian	Jenis Hukuman	Alasan



Bersetujukah anda bahawa seseorang yang berada dalam keadaan marah tidak dapat membuat keputusan yang adil? Jelaskan.

AKTIVITI Menjalankan Kajian Mini

Secara berkumpulan, jalankan satu kajian mini untuk mengumpulkan maklumat tentang tajuk yang berikut.

Tajuk: Patutkah hukuman berat dikenakan kepada pengedar dadah?

Langkah 1: Mengumpulkan Maklumat

1. Edarkan borang soal selidik kepada ibu bapa, guru dan murid.
2. Kumpul semula borang soal selidik tersebut.

Langkah 2: Memproses Maklumat

1. Isi dan lengkapkan jadual pengumpulan maklumat.
2. Pindahkan data yang diperolehi ke dalam bentuk grafik.
3. Kategorikan kesan hukuman berat kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Langkah 3: Melaporkan Hasil Kajian

1. Sediakan laporan dalam bentuk multimedia berdasarkan data dan dapatan kajian.
2. Bentangkan hasil kajian.

Imbas Saya



Teks Buku Maklumat Dadah oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (capaian pada 19 September 2019)

BORANG SOAL SELIDIK

Soal selidik ini bertujuan untuk mengumpulkan maklumat tentang pandangan masyarakat bahawa hukuman berat patut dikenakan kepada pengedar dadah. Segala maklumat akan dirahsiakan dan hanya digunakan bagi kepentingan kajian.

BAHAGIAN A: DATA RESPONDEN

Arahan: Tandakan (/) pada ruangan yang disediakan.

1. JANTINA

LELAKI PEREMPUAN

2. UMUR

17 TAHUN DAN KE BAWAH

18 – 25 TAHUN

26 – 40 TAHUN

41 TAHUN DAN KE ATAS

3. KATEGORI

MURID

IBU BAPA

GURU

LAIN-LAIN

BAHAGIAN B: SOALAN KAJIAN

1. Adakah anda bersetuju dengan kenyataan bahawa hukuman berat patut dikenakan kepada pengedar dadah?

Ya	Tidak

- (a) Jika “YA”, nyatakan sebabnya.

- (b) Jika “TIDAK”, nyatakan sebabnya.

TERIMA KASIH

Jadual Pengumpulan Maklumat

BIL.	KATEGORI	PATUT		TIDAK PATUT	
		BIL. ORANG	%	BIL. ORANG	%
1.	Murid				
2.	Guru				
3.	Ibu Bapa				
4.	Lain-lain				



Kesan Hukuman Berat kepada Pengedar Dadah



Jika “YA” atau “TIDAK”, senaraikan sebab.

REFLEKSI

1. Apakah yang dapat anda rumuskan daripada kajian ini?
2. Jelaskan kepentingan prinsip keadilan dalam membuat sesuatu keputusan.

AKTIVITI PAK-21 Kutub Utara dan Kutub Selatan

Langkah Pelaksanaan

1. Ruang bilik darjah dilabelkan dengan “Kutub Utara” dan “Kutub Selatan”.
2. Guru akan membaca satu kad situasi.
3. Murid akan bergerak sama ada ke “Kutub Utara” atau “Kutub Selatan” untuk menunjukkan pendapat masing-masing mengenai keterangan dalam kad situasi tersebut.

ADIL - bergerak ke “Kutub Utara”

TIDAK ADIL - bergerak ke “Kutub Selatan”

4. Murid diberikan masa selama lima minit untuk berkongsi pendapat mereka dalam kumpulan masing-masing.
5. Wakil kumpulan akan diminta untuk memberikan maklum balas atau penerangan sama ada situasi yang dibaca oleh guru itu adil atau tidak adil.
6. Aktiviti ini diteruskan sehingga semua kad situasi tersebut selesai dibaca.
7. Murid membuat refleksi sendiri.



Kad SITUASI 1

Anda dan adik berebut alat permainan. Sebagai abang, ibu meminta anda mengalah. Adakah ini adil?

Kad SITUASI 2

Ayah membeli dua meter kain untuk anda dan tiga meter kain untuk kakak. Adakah ini adil?

Kad SITUASI 5

Anda pengawas sekolah. Anda ternampak adik dan beberapa orang murid telah membuang sampah di dewan sekolah. Anda melaporkan kesalahan mereka kepada guru disiplin. Adakah ini adil?

Kad SITUASI 6

Anda membantu bapa dan pasukan penyelamat mengagihkan makanan secara sama rata kepada semua mangsa banjir. Adakah ini adil?



**Kad
SITUASI
3**

Ayah meminta anda mengagihkan buah rambutan kepada kedua-dua jiran. Anda mengagihkan buah rambutan secara sama rata kepada mereka. Adakah ini adil?

**Kad
SITUASI
4**

Anda dan rakan telah ditangkap kerana menconteng pintu tandas sekolah. Guru disiplin menjatuhkan hukuman yang sama kepada anda berdua. Adakah ini adil?

**Kad
SITUASI
7**

Anda menghadiri kem peringkat negeri. Semasa memilih ketua kumpulan, anda mencadangkan nama kawan baik anda. Adakah ini adil?

**Kad
SITUASI
8**

Kerajaan bercadang untuk memberikan bantuan kewangan kepada rakyat yang miskin sahaja. Adakah ini adil?

REFLEKSI

1. Jelaskan perasaan anda apabila dilayan secara tidak adil.
2. Apakah prinsip yang perlu dipertimbangkan apabila membuat sesuatu keputusan yang adil?

Bahagian A

1. Padankan pernyataan dengan jawapan yang betul.

	Pernyataan	Jawapan
(a)	Sebagai majikan, Encik Yeuw Ying peka dan menghargai sumbangan tenaga yang dicurahkan oleh pengawal keselamatannya. Encik Yeuw Ying seorang majikan yang _____.	bersikap bertanggungjawab
(b)	Puan Sujatha sanggup mempertahankan pendiriannya dalam menegakkan keadilan kepada kaum wanita walaupun ada yang mengkritiknya. Puan Sujatha seorang yang _____.	bersikap jujur
(c)	Pengadil bola sepak itu menjalankan tugasnya tanpa berat sebelah. Pengadil bola sepak itu seorang yang _____.	bersikap berani
(d)	Karami tidak sanggup berbohong apabila gurunya bertanya tentang vandalisme yang dilakukannya di dinding kelas. Karami seorang yang _____.	bersikap berdikari
(e)	Jawatan ketua pasukan ragbi disandang oleh Encik Mike Ong kerana dia sanggup menjalani latihan tanpa diarah oleh jurulatihnya. Encik Mike Ong seorang yang _____.	bersikap prihatin

2. Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (✗) pada pernyataan yang salah.

Bil.	Pernyataan	(✓) atau (✗)
(a)	Anak-anak yang diberikan kasih sayang secara adil akan hidup gembira dan bahagia.	
(b)	Pentadbiran negara yang berat sebelah akan menyebabkan ekonomi negara maju.	
(c)	Piket yang dilakukan oleh pekerja syarikat Z tercetus kerana majikan tidak memberikan bayaran bonus.	
(d)	Golongan yang tidak bernasib baik akan terpelihara haknya jika prinsip keadilan dilaksanakan oleh semua pihak.	
(e)	Kita akan berasa bersalah apabila membuat keputusan yang saksama dan tidak berat sebelah.	
(f)	Mendengar pendapat semua orang merupakan salah satu cara untuk bersikap adil.	

3. Baca pernyataan berikut dan lengkapkan jadual di bawah.
 - (a) Pengetua menjatuhkan hukuman terhadap murid yang terlibat dalam pergaduhan setelah meneliti semua bukti yang dikemukakan oleh guru disiplin.
 - (b) Ketua kampung menjatuhkan hukuman terhadap Suresh setelah menerima cadangan daripada isterinya.
 - (c) Encik Julian memberikan bayaran bonus hanya kepada pekerja yang cemerlang.
 - (d) Ketika sedang marah, Encik Mathew telah membuat keputusan untuk tidak menaikkan gaji pekerjanya pada tahun tersebut.
 - (e) Warganegara Malaysia dan bukan warganegara Malaysia dikenakan bayaran yang tidak sama ketika mendapatkan rawatan di hospital kerajaan.

Pernyataan	Adil atau Tidak Adil	Alasan
(a)		
(b)		
(c)		
(d)		
(e)		

4. Yang berikut ialah profil Puan Sarasvaty yang telah dicalonkan oleh anak-anaknya sebagai ibu terbaik bersempena dengan sambutan Hari Ibu.

Puan Sarasvaty memberikan layanan dan perhatian yang sama rata terhadap anak-anaknya. Beliau menggunakan nada suara yang lembut apabila bercakap dengan anggota keluarga. Puan Sarasvaty sentiasa memberikan peluang kepada anak-anaknya untuk memberikan penjelasan sebelum menjatuhkan hukuman.

- (a) Nyatakan cara Puan Sarasvaty bersikap adil dalam keluarganya.
- (b) Jelaskan kebaikan Puan Sarasvaty mengamalkan prinsip keadilan dalam keluarganya.

Bahagian B (Esei)

Maklumat di bawah berkaitan dengan pengabaian hak Orang Kurang Upaya (OKU).

- Tidak memberikan laluan kepada OKU untuk bergerak dengan selamat.
- Meletakkan motosikal di atas laluan khas OKU cacat penglihatan.
- Menyukarkan pergerakan golongan OKU terutama di kawasan awam.

Apakah peranan masyarakat dalam membantu menegakkan keadilan bagi golongan tersebut? Huraikan jawapan anda.

CAKNA BAHASA

Piket - Perhimpunan pekerja di luar tempat kerja dengan pelekat dan sepanduk yang menyuarakan rasa tidak puas hati mereka untuk tontonan umum.



**Mesej dan maklumat
yang sahih menjamin
kesejahteraan masyarakat.**

UNIT 4

Pengguna Maklumat yang Berhemah

Murid dapat:

- 5.4.1 Menyenaraikan ciri maklumat yang sahih.
- 5.4.2 Menjelaskan dengan contoh cara mengenal pasti maklumat yang sahih.
- 5.4.3 Menghuraikan kepentingan penggunaan maklumat yang sahih.
- 5.4.4 Mengekspresikan perasaan apabila dapat menggunakan maklumat yang sahih.
- 5.4.5 Mengamalkan penggunaan maklumat yang sahih dalam kehidupan harian.

Cadangan Nilai

- Rasional
- Keberanian
- Patriotisme
- Kejujuran

Setiap individu mesti bertanggungjawab terhadap perkongsian maklumat yang benar, berguna dan sahih bagi menjamin keharmonian awam dan ketenteraman negara.

CIRI MAKLUMAT SAHIH

Sumber Maklumat yang Boleh Dipercayai

Pastikan anda menyemak tarikh, penulis dan sumber yang boleh dipercayai seperti portal kerajaan, jurnal, hasil penyelidikan oleh institusi pengajian tinggi dan buku-buku ilmiah.

Maklumat yang Tepat

Maklumat yang ditulis jelas, logik dan boleh disahkan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) <http://www.mcmc.gov.my>.

Fakta yang Boleh Dibuktikan

Maklumat tersebut boleh dirujuk untuk keterangan lanjut dan ada bukti sahih yang menyokongnya. Tidak berbentuk pandangan, gosip atau khabar angin.



SEBENARNYA.MY

Tidak Pasti Jangan Kongsi

Sekiranya anda tidak pasti berita yang diterima sahih atau palsu, semaklah dengan saya.

Imbas Saya



Pautan ke laman web SEBENARNYA.MY (capaian pada 19 September 2019)

Saya berasa bangga kerana bertindak bijak. Berita yang disebar dipastikan dahulu kesahihannya dan memberikan faedah kepada rakan, barulah kongsi.

Kepentingan Menggunakan Maklumat yang Sahih

- Mengembangkan budaya menyebarkan ilmu yang tepat, benar, betul, sahih, berfakta dan mutakhir.
- Memperluas ilmu pengetahuan untuk diri, masyarakat dan negara.
- Mengelakkan buruk sangka dan merapatkan hubungan antara anggota keluarga, rakan dan masyarakat.
- Membantu diri dan pihak lain menyelesaikan masalah dalam kehidupan harian.
- Mewujudkan masyarakat yang harmoni dan saling mempercayai.
- Mengelakkan panik dalam kalangan masyarakat dan negara.



Etika Menyebarkan Maklumat yang Sahih

- 1 Maklumat yang sahih tidak boleh diplagiat.
- 2 Meminta kebenaran penulis atau memasukkan nama penulis sebagai perujuk.
- 3 Maklumat yang sahih boleh disebarkan sekiranya memberikan faedah.
- 4 Menggunakan bahasa yang sopan dan menghormati pandangan orang lain.

CAKNA BAHASA

Mutakhir - terakhir, akhir-akhir ini, terbaharu, kemas kini.

Plagiat - mencedok kata-kata atau idea dan sebagainya daripada orang lain dan menggunakannya sebagai karyanya sendiri, menjiplak.

Saya mengamalkan penggunaan maklumat yang sahih dengan mempraktikkan nilai-nilai seperti yang berikut:

RASIONAL

Membuat pertimbangan berdasarkan bukti sebelum mempercayai maklumat yang diterima.

KEBERANIAN

Berani menyebarkan maklumat yang sahih untuk menegakkan kebenaran.

PATRIOTISME

Menggunakan maklumat yang sahih untuk memupuk sikap cinta akan negara.

KEJUJURAN

Bercakap benar dalam menyebarkan maklumat yang sahih demi kesejahteraan masyarakat dan negara.

5.4.1 5.4.2

5.4.3 5.4.4

5.4.5

AKTIVITI PAK-21 Ulas Gilir (Rotating Review)**Langkah Pelaksanaan****Langkah 1: Membaca dan Memahami Isu**

1. Setiap kumpulan diberikan satu sampul surat yang mengandungi kad isu untuk dibincangkan.
2. Dengar isu yang dibacakan oleh ketua kumpulan.
3. Bincangkan kesan terhadap diri, masyarakat dan negara sekiranya sebahagian besar masyarakat mempercayai berita palsu yang ditularkan.

Langkah 2: Mencatat dan Berkongsi Maklumat

1. Hasil perbincangan kumpulan dicatat di kertas sebak secara kreatif.
2. Setelah siap membuat catatan, setiap kumpulan perlu bergerak dari satu kumpulan ke kumpulan lain untuk mendengar penjelasan daripada ketua kumpulan.
3. Ahli kumpulan yang lain mendengarkan penjelasan dan membuat penambahbaikan jika ada.

Kad Isu 1**BERITA TERKINI**

30 mins •

Berita baik untuk pesakit kencing manis. Kini, terdapat produk herba yang paling hebat bagi menyembuhkan penyakit kronik ini. Produk yang terdapat di pasaran ini telah mendapat kelulusan daripada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).



You, Khauselyia and 7 others

Suka

Komen

Kongsi

Kad Isu 2

Kulit yang cantik dan putih sentiasa diidami oleh semua gadis.

Sebelum ini, kulit saya kasar dan berjerawat. Setelah menggunakan krim ini, kulit saya semakin cerah dan licin. Kawan-kawan juga memuji perubahan yang berlaku pada diri saya.



Kad Isu 3

Saya mendapat berita ini daripada seorang kawan. Terdapat beberapa orang kanak-kanak telah diculik. Awas! Kemungkinan anak kita pula menjadi mangsa kerana suspek kini berada di beberapa buah negeri untuk mencari mangsa.

Kad Isu 5

PROMOSI PALING HEBAT UNTUK TAHUN INI

Individu yang berumur 18-24 tahun sahaja layak menikmati promosi ini.



Tawaran yang diberikan adalah seperti yang berikut:

1. Memperoleh lesen motosikal tanpa perlu menjalani ujian Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).
2. Lesen ini disahkan dalam sistem JPJ.
3. Dijamin lulus selepas membuat pembayaran.

Nyatakan cara anda mengenal pasti sesuatu mesej sama ada sah atau palsu.

SEGMENT SANTAI

Kad Isu 4

Seorang murid perempuan tingkatan empat telah meninggal dunia semasa menyertai acara larian. Kematian murid tersebut berpunca daripada cuaca panas yang melampau.

Seseorang yang menyebarkan maklumat palsu di media sosial, jika disabitkan kesalahan, boleh dihukum tidak melebihi satu tahun penjara atau denda tidak melebihi RM50 000.00 atau kedua-duanya.

Sumber: Akta Komunikasi dan Multimedia 1998



5.4.1 5.4.2
5.4.3 5.4.4
5.4.5

Nota Guru

Latih murid agar sentiasa berfikir dan memeriksa mesej atau maklumat yang diterima sebelum mempercayai dan menyebarkannya. Didik budaya yang betul ketika menggunakan media sosial kepada murid.

AKTIVITI Kempen Jom Guna Maklumat yang Sahih

Langkah Pelaksanaan

Langkah 1: Merancang dan Membahagikan Tugas

1. Lantik Ahli Jawatankuasa (AJK) kempen, iaitu:
 - (a) AJK Brosur.
 - (b) AJK Kain Rentang.
 - (c) AJK Sketsa (1) bertemakan penggunaan maklumat sah dan kebajikannya.
 - (d) AJK Sketsa (2) bertemakan penggunaan maklumat palsu dan keburukannya.
 - (e) AJK Pameran.
2. Bincangkan tugas setiap AJK dan peralatan yang diperlukan dalam kumpulan masing-masing.
3. Tetapkan tarikh mengadakan kempen.

Langkah 2: Memantau Tugas Kumpulan

1. Ketua bagi setiap AJK perlu memantau dan memastikan ahli kumpulan telah menyiapkan tugas sebelum hari kempen diadakan.
2. Bahan pameran dan kain rentang perlu dipamerkan sehari sebelum kempen diadakan.

Langkah 3: Mengisikan Borang Penilaian

1. Ketua AJK mengisikan borang penilaian yang diberikan.
2. Serahkan borang penilaian kepada guru.

AJK BROSUR

Arahan:

1. Reka cipta brosur yang menarik dan kreatif untuk diedarkan kepada pentadbir sekolah dan guru.
2. Pastikan maklumat yang berikut ada dalam brosur:
 - (a) Tajuk “Jom Guna Maklumat yang Sahih.”
 - (b) Tarikh, masa, tempat, objektif dan aktiviti yang diadakan.

TENTATIF ATUR CARA KEMPEN JOM GUNA MAKLUMAT YANG SAHIIH

- | | |
|------------------|---|
| 8:00 pagi | - Murid berkumpul |
| 8:05 - 8:10 pagi | - Ucapan guru mata pelajaran Pendidikan Moral |
| 8:10 - 8:25 pagi | - Persembahan sketsa 1 |
| 8:25 - 8:40 pagi | - Persembahan sketsa 2 |
| 8:40 - 9:40 pagi | - Melawat pameran |
| 9:40 pagi | - Majlis bersurai |

AJK KAIN RENTANG

Arahan:

1. Lukis dan warnakan kain rentang bertajuk “Jom Guna Maklumat yang Sahih”.
2. Masukkan maklumat seperti tarikh, masa dan tempat kempen diadakan.





AJK SKETSA (1)

Arahan:

1. Hasilkan sebuah sketsa yang bertemakan penggunaan maklumat sahih dan kebajikannya.

AJK SKETSA (2)

Arahan:

1. Hasilkan sebuah sketsa yang bertemakan penggunaan maklumat palsu dan keburukannya.

AJK PAMERAN

Arahan:

1. Cari dan kumpulkan maklumat sahih dan maklumat tidak sahih. Nyatakan kesannya kepada diri, keluarga dan negara.
2. Kumpulkan maklumat tentang akta dan hukuman terhadap penggunaan dan penyebaran maklumat palsu.

BORANG PENILAIAN "JOM GUNA MAKLUMAT YANG SAHIH"

TARIKH : _____

1. Adakah anda mendapat manfaat daripada program yang diadakan?

Ya () Tidak () Alasan: _____

2. Sila pilih skala yang berkaitan:

Aktiviti	Sangat Baik 1	Baik 2	Sederhana 3	Lemah 4
Brosur				
Kain Rentang				
Sketsa (1)				
Sketsa (2)				
Pameran				

3. Cadangan penambahbaikan program: _____

Sekian. Terima kasih.

CADANGAN ANDA AKAN DIPERTIMBANGKAN UNTUK PROGRAM AKAN DATANG.



Sejauh manakah program yang diadakan berjaya menyedarkan warga sekolah tentang kepentingan menggunakan maklumat sahih?

AKTIVITI Permainan Mencari Harta Karun

Langkah Pelaksanaan

1. Jalankan aktiviti secara berkumpulan.
2. Lantik enam orang murid sebagai pengadil di setiap stesen bagi menentukan jawapan peserta sama ada betul atau salah.
3. Berikan sekeping kad kepada setiap kumpulan untuk menulis jawapan apabila soalan dibacakan.
4. Berkumpul di **Lokasi 1**, iaitu di tapak perhimpunan. Dengar soalan yang dibacakan.
5. Jawab soalan tersebut. Jika betul, kumpulan anda akan diberikan kad soalan seterusnya dan bergerak ke stesen lain.
 - Jika jawapan salah, kumpulan anda perlu menjawab semula soalan tersebut sehingga betul dan diberikan kad untuk bergerak ke stesen seterusnya.
6. Kumpulan yang berjaya menjawab semua soalan di **Lokasi 1** hingga **Lokasi 6** dengan tepat dan pantas diisytiharkan sebagai pemenang.



Peralatan

1. Kad soalan
2. Kad jawapan

Lokasi 1: Tapak perhimpunan.

Kad soalan 1

Sebutkan tiga ciri maklumat yang sahih.

Bergerak ke **Lokasi 2**, iaitu di kawasan murid makan dan minum.

Lokasi 2

Kad soalan 2

Anda menerima berita tanpa sumber sahih dan diminta menyebarkannya. Apakah tindakan anda?

Bergerak ke **Lokasi 3**, iaitu di kawasan murid bermain bola sepak.

Lokasi 3

Kad soalan 3

Nilai yang perlu diamalkan apabila ingin menyebarkan berita yang diterima.

Bergerak ke **Lokasi 4**, iaitu di kawasan murid mendapat bimbingan kerjaya.

Lokasi 4

Kad soalan 4

Apakah peranan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia?

Bergerak ke **Lokasi 5**, iaitu di kawasan murid disiasat apabila melakukan kesalahan.

Lokasi 5

Kad soalan 5

Ramalkan kesan terhadap negara apabila berita palsu disebar dan dipercayai oleh rakyat Malaysia.

Bergerak ke **Lokasi 6**, iaitu di tempat murid belajar mata pelajaran Sains.

Lokasi 6

Kad soalan 6

Jelaskan hukuman yang dikenakan oleh kerajaan kepada sesiapa yang menyebarkan maklumat palsu.

Bergerak ke **Lokasi 7**, iaitu di luar “gedung ilmu”.

Lokasi 7

Kad soalan 7

Salin dan lengkapkan ayat berikut.

Karya orang lain tidak boleh _____ menjadi hak sendiri.

SYABAS, ANDA PENGGUNA MAKLUMAT YANG BERHEMAH!



REFLEKSI

Buat rumusan tentang kebaikan yang anda peroleh daripada permainan ini yang berkaitan dengan penggunaan maklumat melalui media sosial.

5.4.1 5.4.2

5.4.3 5.4.4


5.4.5

Bahagian A

1. Padankan Pernyataan A dengan Pernyataan B.

Pernyataan A	Pernyataan B
(a) Individu yang menyalahgunakan media sosial sehingga mencetuskan perasaan panik dalam masyarakat akan	mendapat pengesahan Kementerian Kesihatan Malaysia.
(b) Penyebaran maklumat palsu adalah serius dan perlu disekat kerana boleh	mempunyai sumber, tarikh dan nama penulis dengan jelas.
(c) Setiap produk perubatan yang dipromosikan melalui media sosial perlu	jurnal, buku teks dan portal kerajaan.
(d) Maklumat yang sahah perlu	dihukum oleh pihak berkuasa.
(e) Contoh sumber maklumat yang sahah ialah	menjatuhkan reputasi seseorang.
(f) Cogan kata “Tidak Pasti Jangan Kongsi” ialah cogan kata untuk	menambahkan ilmu pengetahuan.
(g) Berkongsi maklumat sahah membolehkan seseorang	portal SEBENARNYA.MY.

2. Nyatakan ciri maklumat sahah dengan melengkapkan peta minda di bawah.



3. Pernyataan di bawah merujuk isu penularan maklumat melalui media sosial.

HENTIKAN PENYEBARAN BERITA PALSU

Penyebaran berita palsu merupakan satu masalah. Hal ini dapat dilihat apabila terdapat sebahagian daripada masyarakat menerima dan mempercayai berita-berita palsu tanpa banyak soal.

"Anda perlu bertindak bijak. Rujuklah pihak yang berautoriti".

- (a) Kesan penyebaran berita tersebut terhadap:
- Diri _____
 - Masyarakat _____
 - Negara _____
- (b) Nilai yang perlu anda amalkan untuk menghentikan penyebaran berita tersebut.
- _____
 - _____
 - _____
- (c) Cara menggunakan media sosial secara berhemah.
- _____
 - _____
- (d) Program yang boleh diadakan oleh pihak sekolah bagi mendidik murid menangani isu di atas.
- _____
 - _____
 - _____

Bahagian B (Esei)

Perbualan di bawah berkaitan dengan sikap remaja yang mudah terpengaruh dengan mesej yang diterima.

Alvin, aku sangat risau kerana masih gagal menghantar mesej kepada 10 orang seperti yang diminta. Kalau aku gagal menghantar mesej itu, nasib aku akan menjadi malang.



Aku berasa lega kerana berjaya mencari 10 orang penerima seperti yang diminta.

Wajarkah tindakan kedua-dua remaja tersebut mempercayai mesej yang diterima? Jelaskan kesan tindakan mereka.



**Integriti dalam keluarga
ibarat tiang seri.
Jika runtuh tiang seri,
maka runtuhlah keluarga.**



UNIT 5

Integriti Asas Keluarga Bahagia

Murid dapat:

- 6.1.1 Memberikan maksud integriti.
- 6.1.2 Menjelaskan cara memupuk integriti dalam keluarga.
- 6.1.3 Menghuraikan kepentingan integriti dalam keluarga.
- 6.1.4 Mengekspresikan perasaan apabila mengamalkan integriti dalam keluarga.
- 6.1.5 Mengamalkan integriti keluarga dalam kehidupan harian.

Cadangan Nilai

- Kepercayaan kepada Tuhan
- Kejujuran
- Harga Diri
- Bertanggungjawab

Integriti bermaksud keikhlasan, keterbukaan, benar, berpegang pada prinsip, tidak mudah dipengaruhi, boleh dipercayai, jujur dan telus dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab.

Bahagiaanya Aku

Aku berdiri di sini
mensyukuri nikmat Tuhan
di sini tempatku mencurahkan segalanya
ketelusan, keikhlasan dan kejujuran
pada keluarga yang sangat kusayangi.

Betapa berharganya hidup ini
mempunyai ibu bapa yang berintegriti
melaksanakan tugas membesarkan aku dengan baik
memberikan didikan agama dan menyediakan keperluan asas.

Bahagiaanya hidup aku
mempunyai anggota keluarga yang berintegriti
saling memahami dan berpegang pada prinsip kebenaran
dalam apa-apa jua keadaan
tiada yang dapat lari daripada masalah
aku sekeluarga hadapinya dengan sikap keterbukaan
tiap cabaran yang mendatang
aku sekeluarga hadapinya dengan keikhlasan dan kejujuran.

Sekadar renungan
untukmu kawan-kawan
walaupun integriti tidak menjanjikan kemewahan
walaupun integriti tidak selalu berakhir indah
namun, ia selalu memberikan kedamaian dan ketenteraman
dalam sebuah keluarga yang bahagia.

Nukilan: Ng Yan Ying



Imbas Saya



Video Institut
Integriti Malaysia
(capaian pada
19 September 2019)

Kepentingan Integriti dalam Keluarga

Memupuk keluarga bahagia, penyayang dan sihat.

Menimbulkan kepercayaan dan keyakinan antara anggota keluarga.

Mengelakkan pertelingkahan dan salah faham antara anggota keluarga.



Ibu bapa menjadi suri teladan kepada anak-anak.

CARA MEMUPUK INTEGRITI DALAM KELUARGA

Ibu bapa memberikan penghargaan kepada anak-anak yang mengamalkan integriti dalam keluarga.

Ibu bapa dan anggota keluarga saling menyayangi antara satu sama lain.

Ibu bapa dan anggota keluarga melaksanakan tanggungjawab dengan baik.

Saya mengamalkan integriti dalam keluarga dengan mempraktikkan nilai-nilai seperti yang berikut:

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

- Bersyukur mempunyai keluarga.
- Berpegang teguh pada agama untuk membentuk sahsiah yang terpuji.

KEJUJURAN

- Sentiasa bercakap benar dengan ibu bapa dan anggota keluarga yang lain.
- Ikhlas untuk membantu dan bekerjasama antara anggota keluarga.

HARGA DIRI

- Menjaga maruah diri dan keluarga dengan menghindari gejala sosial.
- Mengatakan “TIDAK” pada ajakan yang negatif.

BERTANGGUNGJAWAB

- Mentaati dan mematuhi nasihat ibu bapa.
- Melaksanakan kewajipan yang diberikan oleh ibu bapa dan anggota keluarga.

AKTIVITI 1 PAK-21 Jalan Galeri (Gallery Walk)

Langkah Pelaksanaan

1. Aktiviti ini dijalankan secara berkumpulan.
2. Setiap kumpulan diberikan kad tugas yang berbeza.
3. Setiap ahli kumpulan dikehendaki membincangkan tugas yang diberikan. Setiap kumpulan perlu menyediakan hasil perbincangan dengan menggunakan kertas sebak atau kad manila.
4. Kertas sebak atau kad manila yang telah siap, ditampal di beberapa sudut di bilik darjah.
5. Setiap kumpulan akan bergerak mengikut putaran jam untuk melihat dan menilai hasil tugas kumpulan lain dengan menulis komen yang positif, seperti bagus, kemas, isi betul, dan sebagainya di atas kertas sebak atau kad manila tersebut.
6. Setelah selesai melihat dan menilai semua hasil kumpulan, setiap ahli kumpulan akan kembali semula ke kumpulan asal mereka.
7. Murid bersama-sama guru membuat rumusan tentang perkara yang dipelajari melalui aktiviti ini.



KAD TUGASAN

KAD TUGASAN 1

Apakah ciri yang perlu ada pada diri anda apabila mengamalkan integriti dalam keluarga?

KAD TUGASAN 2

Ramalkan kesan sekiranya integriti tidak diamalkan dalam keluarga.

KAD TUGASAN 3

Terangkan cara anda mengamalkan integriti dalam keluarga.



Yang manakah lebih penting dalam keluarga, integriti atau kasih sayang? Jelaskan.

AKTIVITI 2 Menandatangani Ikrar

Langkah Pelaksanaan

1. Isi borang Ikrar Integriti Keluarga seperti di bawah.
2. Tambahkan cara melaksanakan integriti keluarga masing-masing.
3. Hiaskan borang Ikrar Integriti Keluarga secara kreatif.
4. Baca ikrar tersebut di hadapan ibu bapa. Minta ibu bapa menandatangani borang tersebut.
5. Kongsikan cara mengamalkan integriti dalam keluarga bersama-sama rakan.

IKRAR INTEGRITI KELUARGA

Saya, _____ dengan tulus dan suci hati berikrar akan mengamalkan integriti dalam keluarga dengan cara seperti yang berikut:

1. Mematuhi segala nasihat ibu bapa dan anggota keluarga yang lebih tua.
2. Melaksanakan ajaran Tuhan dengan meninggalkan perbuatan yang dilarang.
3. _____
4. _____
5. _____
6. _____

Tandatangan

Disahkan oleh,

(Nama: _____)

(Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga)

Tarikh:

REFLEKSI

Apakah perasaan anda apabila semua anggota keluarga mengamalkan integriti? Jelaskan?

Baca dan fahami situasi di bawah, kemudian jalankan Aktiviti 1 dan Aktiviti 2.

Kad Situasi 1



Kad Situasi 2



Kad Situasi 3




Kad Situasi 4



AKTIVITI 1 Perbincangan

Langkah Pelaksanaan

1. Jalankan aktiviti secara berkumpulan.
2. Berikan kad situasi yang berbeza kepada setiap kumpulan.
3. Bincangkan situasi yang diberikan dalam kumpulan dengan menggunakan rajah seperti contoh di bawah.
4. Bentangkan hasil perbincangan secara kreatif.
5. Buat rumusan bersama-sama guru berdasarkan hasil perbincangan.



AKTIVITI 2 Lakonan

Langkah Pelaksanaan

1. Dalam kumpulan yang sama, bincangkan tindakan integriti yang sepatutnya diambil oleh watak dalam situasi yang diberikan.
2. Persembahkan hasil perbincangan dalam bentuk lakonan.
3. Catat amalan integriti yang ditunjukkan dalam lakonan dengan menggunakan borang catatan seperti contoh di bawah.

BORANG CATATAN

Situasi	Amalan Integriti yang Ditunjukkan	Nilai yang Diamalkan	Kebaikan
1			
2			
3			
4			

REFLEKSI

Apakah rumusan yang dapat anda buat berkaitan dengan amalan integriti dalam keluarga?

AKTIVITI Stesen Integriti

Langkah Pelaksanaan

1. Aktiviti ini dijalankan secara berkumpulan.
2. Terdapat tiga stesen yang disediakan, iaitu:
 - (a) Stesen Mencari Perkataan Tersembunyi.
 - (b) Stesen Memberikan Pendapat Anda.
 - (c) Stesen Melukis Poster.
3. Setiap kumpulan perlu melengkapkan tugas di ketiga-tiga stesen tersebut.
4. Setiap kumpulan boleh memilih mana-mana stesen untuk memulakan aktiviti ini.
5. Setiap kumpulan diberikan masa 10 minit untuk menyiapkan setiap tugas di setiap stesen.
6. Wisel akan dibunyikan selepas 10 minit.
7. Kertas jawapan atau hasil kerja kumpulan disimpan oleh ketua kumpulan. Seterusnya, setiap kumpulan akan bergerak ke stesen berikutnya untuk melengkapkan semua tugas tersebut.
8. Selepas melengkapkan tugas di setiap stesen, ketua kumpulan diminta menyerahkan kertas jawapan dan hasil kerja kumpulan kepada guru.
9. Guru akan menilai kertas jawapan dan memberikan markah pada hasil kerja kumpulan.
10. Pemenang ialah kumpulan yang mendapat jumlah markah tertinggi.

Stesen Mencari Perkataan Tersembunyi



Cari dan bulatkan perkataan yang mempunyai kaitan dengan integriti. Perkataan itu berada dalam kedudukan menegak, mendatar, dari kiri ke kanan, dari kanan ke kiri dan pepenjur.

A	E	R	U	J	U	J
T	M	U	K	A	B	E
S	A	A	U	E	U	T
A	K	A	N	L	N	E
L	U	A	I	A	T	L
H	R	K	N	T	H	U
K	A	J	I	T	U	S
I	P	U	L	A	N	G



Tulis SETUJU atau TIDAK SETUJU pada situasi di bawah. Kemudian, nyatakan sebab.

Bil.	Situasi	Setuju/ Tidak Setuju	Sebab
1.	Andy telah mengambil wang kakaknya untuk membeli kad prabayar telefon.		
2.	Najwa telah berjanji dengan ibunya untuk pulang ke rumah sebelum pukul 9:00 malam, tetapi tidak menunaikan janjinya. Dia pulang lewat ke rumah.		
3.	Chong Min mengetahui adiknya meniru dalam peperiksaan. Namun, dia tidak memberitahu perkara yang sebenar kepada bapanya.		
4.	Ramesh ingin mengambil bahagian dalam pertandingan menulis esei peringkat negeri. Dia telah meminta bantuan abangnya untuk menulis esei tersebut.		



Hasilkan poster bertemakan “Integriti dalam Keluarga” secara kreatif seperti contoh di bawah. Tambahkan slogan kumpulan anda berkaitan dengan kebaikan mengamalkan integriti dalam keluarga.



6.1.1
6.1.2
6.1.3

Nota Guru

Galakkan murid untuk memberikan seberapa banyak jawapan yang bersesuaian dengan situasi. Poster yang dihasilkan boleh dipaparkan di kawasan yang sesuai.

Bahagian A

1. Padankan Pernyataan A dengan Pernyataan B.

Pernyataan A		Pernyataan B	
(a)	Keluarga yang berintegriti ialah keluarga yang	<input type="radio"/>	pada agama untuk membentuk sahsiah yang terpuji.
(b)	Sentiasa bercakap benar dengan ibu bapa dapat	<input type="radio"/>	melahirkan keluarga yang bahagia dan penyayang.
(c)	Anak yang berintegriti disukai oleh keluarga	<input type="radio"/>	kerana sentiasa bersikap jujur dalam setiap tindakan.
(d)	Ibu bapa yang berintegriti berpegang teguh	<input type="radio"/>	harmoni dan saling mempercayai.
(e)	Keluarga yang berintegriti mampu	<input type="radio"/>	meningkatkan keyakinan dan persefahaman dalam keluarga.

2. Baca pernyataan di bawah. Tandakan (✓) pada pernyataan yang wajar dan (✗) pada pernyataan yang tidak wajar. Berikan sebab.

Bil.	Pernyataan	Wajar/Tidak Wajar	Sebab
(a)	Murugan meminta maaf daripada ayahnya kerana telah merosakkan komputer.		
(b)	Salma menjalani latihan tarian kebudayaan di rumah kawannya sehingga lewat malam dan tidak memaklumkan kepada keluarganya.		
(c)	Leong mendengar nasihat ibu bapanya supaya tidak menyebarkan berita yang tidak benar melalui media sosial.		
(d)	Melissa memulangkan semula pensel warna yang dipinjam daripada adiknya.		

3. Berdasarkan situasi di bawah, nyatakan tindakan integriti yang sepatutnya anda amalkan dalam keluarga.

Bil.	Situasi	Tindakan Integriti dalam Keluarga yang Sepatutnya Anda Amalkan
(a)	Anda berjanji untuk bertemu dengan adik di pusat sumber sekolah selepas waktu persekolahan.	
(b)	Anda ternampak abang dan kawan-kawannya merempit di jalan raya.	
(c)	Bapa meminta anda memulangkan fail kepada pengerusi persatuan penduduk tetapi anda tidak melakukannya.	
(d)	Kakak anda ponteng sekolah. Dia meminta anda merahsiakannya daripada ibu bapa.	
(e)	Anda terlupa untuk menutup suis alat pendingin hawa di bilik tidur anda.	

4. Gambar berikut menunjukkan seorang budak lelaki menjumpai wang tunai RM50.00 di dapur rumahnya.



- (a) Andaikan anda ialah budak lelaki tersebut, nyatakan tindakan anda.

- (b) Mengapakah anda bertindak demikian?

5. Situasi berikut berkaitan dengan janji anda kepada ayah.

Anda telah berjanji dengan ayah untuk membantu adik mengemaskan dan membersihkan bilik tidurnya. Namun, anda tidak menunaikan janji tersebut.



- (a) Wajarkah tindakan anda? Berikan alasan.

- (b) Apakah tindakan yang perlu diambil untuk mengembalikan kepercayaan ayah terhadap anda?

Bahagian B (Esei)

Rajah di bawah menunjukkan perbuatan yang menjejaskan integriti dalam keluarga.



Pada pendapat anda, mengapakah perbuatan tersebut menjejaskan integriti dalam keluarga? Huraikan jawapan anda.



Bersyukurlah kerana kita masih bernafas setakat ini dan diberikan peluang untuk menikmati kehidupan yang indah ini.



UNIT 6

Hargai Nyawa Anugerah Tuhan

Murid dapat:

- 6.2.1 Memberikan maksud menghargai nyawa.
- 6.2.2 Menjelaskan cara menghargai nyawa.
- 6.2.3 Menghuraikan dengan contoh kepentingan menghargai nyawa.
- 6.2.4 Mengekspresikan perasaan apabila mengamalkan tindakan menghargai nyawa dalam kehidupan harian.
- 6.2.5 Mengamalkan sikap menghargai nyawa dalam kehidupan harian.

Cadangan Nilai

- Kepercayaan kepada Tuhan
- Baik Hati
- Kasih Sayang
- Berterima Kasih

Menghargai nyawa bermaksud memelihara dan menjaga keselamatan diri dan makhluk lain dengan baik. Hal ini dikatakan demikian kerana nyawa tidak boleh diganti. Dengan adanya nyawa, barulah kita dapat meneruskan kehidupan dan melakukan pelbagai aktiviti di dunia ini. Tanpa nyawa berakhirilah kehidupan kita.

CARA MENGHARGAI NYAWA

Diri

- **Menyayangi diri**

Contoh - menghindari pengambilan dadah, rokok, *vape* dan inhalan yang boleh menjejaskan kesihatan.

- **Menjaga keselamatan diri**

Contoh - menghindari aktiviti lumba haram yang boleh menyebabkan kecederaan diri atau kematian.

- **Mengamalkan gaya hidup sihat**

Contoh - bersenam dan menjaga pemakanan supaya sihat serta dapat menjalankan aktiviti harian dengan cergas.

- **Bersyukur dan mematuhi suruhan Tuhan**

Contoh - menghargai nyawa yang dianugerahkan dan menghindari perbuatan yang boleh mencederakan diri.

Makhluk Lain

- **Menyelamatkan nyawa**

Contoh - mendermakan darah untuk menyelamatkan nyawa orang lain atau memberikan rawatan kepada haiwan yang tercedera.

- **Memberikan sumbangan**

Contoh - mendermakan wang untuk membantu mangsa banjir dan menyokong kempen melindungi haiwan yang semakin pupus.


- **Tidak mengancam keselamatan orang lain**

Contoh - menghindari pergaduhan atau rusuhan yang boleh menyebabkan kecederaan atau mengancam keselamatan diri dan orang lain.

- **Menjadi sukarelawan**

Contoh - melibatkan diri sebagai sukarelawan dalam program perlindungan alam sekitar.





CAKNA BAHASA

Vape - rokok elektronik yang menggunakan kuasa bateri.

Ekosistem - sistem yang melibatkan interaksi antara suatu komuniti (haiwan, tumbuhan dan sebagainya) dengan alam persekitarannya yang tidak bernyawa.

Inhalan - ubat sedut atau bahan yang disedut masuk ke dalam tubuh melalui hidung, trakea atau sistem pernafasan.

Saya menghargai nyawa dengan mengamalkan nilai-nilai seperti yang berikut:

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

Mematuhi suruhan Tuhan dengan tidak melibatkan diri dalam perbuatan yang membahayakan keselamatan diri dan hidupan lain.

BAIK HATI

Bermurah hati memberikan bantuan kepada golongan yang kurang bernasib baik.

KASIH SAYANG

Ikhlas menjadi sukarelawan untuk menjaga kesejahteraan hidup bersama-sama.

BERTERIMA KASIH

Menghargai usaha kerajaan dan orang yang memberikan bantuan kepada kita.

AKTIVITI Permainan Kembara Sayangi Nyawa

Langkah Pelaksanaan

1. Jalankan aktiviti ini secara berkumpulan.
2. Lantik seorang pengadil untuk memegang kad jawapan bagi menentukan jawapan murid betul atau salah.
3. Tentukan giliran dan tempoh masa bermain.
4. Baling dadu dan gerakkan penanda mengikut bilangan nombor pada dadu.
5. Murid yang berjaya sampai di petak "TAMAT" akan diberikan Sijil Kembara Sayangi Nyawa.

Peraturan Permainan

1. Jika jawapan betul, teruskan lambungan dadu.
2. Jika jawapan salah, hilang satu pusingan permainan.

Peralatan

- Penanda
- Dadu
- Kertas catatan
- Pen
- Sijil penghargaan



Sikap menghargai nyawa dapat mewujudkan keharmonian hidup. Jelaskan.

MULA

01

Seorang murid di kelas anda sedang bersedih kerana rumahnya terbakar. Apakah yang akan anda lakukan?

08

Nyatakan cara anda menghargai nyawa ketika menggunakan jalan raya.




07



09

Negara jiran mengalami gempa bumi yang menyebabkan ramai rakyatnya kehilangan harta dan nyawa. Bagaimanakah anda dapat membantu rakyat negara tersebut?



Sijil Penyertaan

Kembara Sayangi Nyawa

Disahkan bahawa

telah melibatkan diri dalam
Kembara Sayangi Nyawa yang
diadakan di

(Sekolah)

Anjuran Panitia Pendidikan Moral
pada

02

Remaja yang terlibat dalam aktiviti lumba haram dikatakan tidak menyayangi nyawa. Jelaskan.

03

Apakah kesan kepada manusia apabila mandi di sungai yang kotor?

04

Anda ternampak seekor anak kucing terjatuh ke dalam longkang. Nyatakan tindakan anda.



Golongan yang mendera kanak-kanak termasuk ibu bapa perlu dikenakan hukuman yang berat. Setujukah anda? Berikan alasan.



06

Nyatakan satu sebab nyawa perlu dihargai.

05

Apakah langkah keselamatan yang perlu anda berikan perhatian apabila melakukan aktiviti dalam air?

10

Murid yang menghargai nyawa tidak akan menghisap rokok. Nyatakan nilai yang diamalkan oleh murid tersebut.

11

Menderma darah dianggap perbuatan yang mulia. Mengapa?



12

Berikan contoh anda menghargai nyawa sendiri.

15

Sebagai seorang yang menghargai nyawa:
(a) Nyatakan satu projek amal yang boleh anda anjurkan.
(b) Jelaskan dua kebaikan projek amal tersebut.

14

Ceritakan tindakan yang pernah anda lakukan untuk membuktikan anda seorang yang menghargai nyawa orang lain.

13

Nyatakan dua kepentingan anda perlu menghargai nyawa haiwan.

16

TAMAT

Tahniah

**Anda Johan
Misi Kembara
Sayangi Nyawa**

6.2.1 6.2.2
6.2.3 6.2.4
6.2.5

Nota Guru

Sediakan sijil secara kreatif untuk pemenang. Terima jawapan murid berdasarkan bukti dan alasan yang munasabah.

AKTIVITI **Projek Amal Bakti**

Anda dan rakan-rakan dikehendaki melaksanakan Projek Sebarkan Kasih Sayang dalam kalangan warga sekolah. Yang berikut ialah contoh kertas cadangan yang boleh anda gunakan untuk melaksanakan projek tersebut.

**KERTAS CADANGAN PROJEK SEBARKAN KASIH SAYANG
SMK TAMAN CENDERAWASIH**

1.0 Pengenalan

Projek Sebarkan Kasih Sayang ialah projek membeli makanan sambil membantu murid yang kurang berkemampuan.

2.0 Objektif

- (a) Memupuk sikap prihatin warga sekolah terhadap murid yang kurang berkemampuan.
- (b) Memberikan kupon makanan kepada murid yang kurang berkemampuan.

3.0 Tarikh, masa dan tempat jualan kupon

Tarikh: 17 hingga 21 Februari _____
 Masa: 2:30 hingga 4:00 petang
 Tempat: Kantin Sekolah

4.0 Sasaran

Semua warga sekolah.

5.0 Pelaksanaan

- (a) Ahli Jawatankuasa (AJK) berbincang tentang penyediaan kupon yang akan dijual.
- (b) Kupon yang akan dijual berharga RM1.00, RM2.00 atau RM3.00.
- (c) AJK Publisiti mempromosikan penjualan kupon.

- (d) AJK Data mengumpulkan maklumat tentang bilangan murid yang kurang berkemampuan.
- (e) AJK Pengagihan Kupon memberikan taklimat dan mengagihkan kupon RM5.00 di bilik kaunseling setiap awal pagi sebelum sesi persekolahan bermula.
- (f) Hasil jualan kupon disalurkan ke akaun PIBG sekolah. Bendahari PIBG sekolah akan membuat bayaran kepada pihak kantin berdasarkan harga kupon pada setiap hujung bulan.

6.0 AJK yang terlibat

- (a) AJK Publisiti.
- (b) AJK Penyediaan dan Penjualan Kupon.
- (c) AJK Data.
- (d) AJK Pengagihan Kupon.

7.0 Anggaran perbelanjaan

Publisiti: RM30.00

8.0 Penutup

Mohon kelulusan pihak sekolah bagi melaksanakan projek ini.

Disediakan oleh,

 (LIAN OI FONG)
 Setiausaha Projek
 04 Januari _____

Disemak oleh,

 (VASANTHA A/P GOPAL)
 Guru Pendidikan Moral
 06 Januari _____

Diluluskan oleh,

 (AZHAN BIN NAZIM)
 Pengetua
 09 Januari _____

Langkah Pelaksanaan

1. Jalankan aktiviti ini secara berkumpulan.
2. Berikan tugas kepada setiap kumpulan.

KUMPULAN 1: AJK PUBLISITI

1. Menghasilkan gegantung yang mengandungi butiran seperti yang berikut:
 - (a) Tarikh, masa dan tempat.
 - (b) Cara pembelian kupon.
2. Membuat promosi semasa perhimpunan untuk menggalakkan murid dan guru membeli kupon.
3. Memuat naik butiran program melalui laman web sekolah.

KUMPULAN 2: AJK PENYEDIAAN DAN PENJUALAN KUPON

1. Menyediakan kupon yang berharga RM1.00, RM2.00 dan RM3.00.
2. Menguruskan penjualan kupon.
3. Menyediakan sebuah kotak untuk pembeli memasukkan kupon yang dibeli ke dalam kotak tersebut.
4. Menyerahkan hasil kutipan kepada guru Pendidikan Moral.

KUMPULAN 3: AJK DATA

1. Mendapatkan data tentang bilangan murid yang layak untuk menerima kupon daripada unit Hal Ehwal Murid.
2. Menyediakan senarai nama murid yang layak.

KUMPULAN 4: AJK PENGAGIHAN KUPON

1. Mengambil giliran untuk bertugas di bilik kaunseling pada awal pagi setiap hari persekolahan.
2. Mengagihkan kupon makanan bernilai RM5.00 kepada murid yang layak.
3. Meminta murid menandatangani borang penerimaan kupon.

PROJEK SEBARKAN KASIH SAYANG SMK TAMAN CENDERAWASIH

“Membeli sambil Beramal”

Penjualan Kupon RM1.00,
RM2.00 dan RM3.00

Tarikh: 17 hingga 21 Februari _____

Masa: 2:30 hingga 4:00 petang

Tempat: Kantin Sekolah

Datanglah beramai-ramai
untuk membeli kupon
sambil beramal!

Anda MAMPU melakukannya!
Terima kasih. Anda prihatin.

RM1.00

PROJEK SEBARKAN
KASIH SAYANG

KUPON MAKANAN

REFLEKSI

Apakah perasaan anda apabila terlibat dalam menjayakan projek ini? Mengapa?

AKTIVITI PAK-21 Pembelajaran Bertiga (Learning Trios)**Langkah Pelaksanaan**

1. Bentukkan kumpulan murid yang terdiri daripada tiga orang ahli.
2. Setiap kumpulan diberikan satu kad soalan untuk dibincangkan.
3. Ahli pertama memberikan pendapat manakala ahli kedua dan ketiga akan mendengar dan membuat catatan.
4. Selepas ahli pertama selesai memberikan pendapat, ahli kedua pula akan memberikan pendapat diikuti oleh ahli ketiga.
5. Ahli kumpulan akan membuat rumusan jawapan berdasarkan catatan masing-masing.
6. Setiap kumpulan akan membentangkan rumusan jawapan yang dibuat oleh kumpulan secara kreatif.

**KAD 1**

Mengapakah anda tidak dibenarkan masuk ke makmal dan bilik persediaan bahan tanpa kebenaran guru?

**KAD 2**

Apakah tindakan anda sekiranya tabung uji yang digunakan pecah semasa berada di dalam makmal sains?


**KAD 3**

Mengapakah anda perlu segera menutup botol yang mengandungi bahan kimia setelah mengambil bahannya?



KAD 4

Benarkah peralatan di dalam makmal hanya boleh digunakan atas arahan dan panduan guru? Berikan alasan.



KAD 5

Mengapakah anda dilarang bermain ketika berada di dalam makmal?



KAD 6

Bagaimanakah cara yang betul untuk mengambil bahan kimia pepejal?



KAD 7

Mengapakah eksperimen di dalam makmal tidak boleh dilakukan tanpa pengetahuan dan kebenaran guru?

Imbas Saya



Video peraturan asas di makmal sains (capaian pada 19 September 2019)

Nyatakan kawasan lain di sekolah yang memerlukan anda berhati-hati dan menjaga keselamatan diri.

SEGMENT SANTAI

6.2.2

6.2.3

6.2.5

Bahagian A

1. Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (✗) pada pernyataan yang salah.

Bil.	Pernyataan	(✓) atau (✗)
(a)	Mendapatkan rawatan doktor apabila sakit merupakan cara anda menyayangi nyawa sendiri.	
(b)	Manusia perlu menyayangi nyawa kerana nyawa ialah anugerah yang berharga daripada Tuhan.	
(c)	Menjadi sukarelawan untuk membantu haiwan yang hampir pupus bukan cara menghargai nyawa kerana berkaitan dengan alam sekitar.	
(d)	Remaja yang terlibat dengan aktiviti lumba haram perlu dikenakan hukuman berat kerana tidak menyayangi nyawa.	
(e)	Tuhan menyuruh manusia menyayangi nyawa sendiri sahaja kerana setiap orang bertanggungjawab terhadap keselamatan diri masing-masing.	
(f)	Dermalah walaupun RM0.50 kepada orang yang memerlukan demi menyelamatkan nyawa mereka.	

2. Padankan pernyataan dengan jawapan yang sesuai.

(a) Masyarakat yang sentiasa mengambil berat antara satu sama lain.	Ekosistem.
(b) Perbuatan yang boleh mengancam nyawa.	Masyarakat penyayang.
(c) Tujuan mendermakan darah diadakan oleh pihak hospital.	Menjadi sukarelawan.
(d) Manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan saling bergantung antara satu sama lain.	Usaha menyelamatkan nyawa.
(e) Terlibat dalam aktiviti kemanusiaan tanpa mengharap bayaran dan ganjaran.	Tidak menjaga kebersihan.

3. Maklumat di bawah berkaitan dengan *Women's Aid Organization (WAO)*.

“Bantulah kami untuk mengubah kehidupan golongan wanita dan kanak-kanak mangsa keganasan rumah tangga. Berikan sumbangan anda. Hanya dengan RM50.00, anda telah membiayai satu sesi tuisyen untuk kanak-kanak tersebut”.

Women's Aid Organization (WAO) - 2018

<https://wao.org.my/donate/>

(a) Jelaskan nilai yang diamalkan oleh WAO.

(b) Ramalkan kesan sekiranya tiada bantuan diberikan kepada kanak-kanak yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga.

(c) Selain bantuan kewangan, apakah cara lain yang boleh anda lakukan untuk membantu kanak-kanak yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga?

(d) Jelaskan perasaan anda apabila melakukan kebaikan dalam menjayakan misi kemanusiaan.

Bahagian B (Esei)

1. Simbol di bawah menunjukkan Kempen Sifar Rokok dan *Vape* yang telah diadakan di Sekolah Menengah Wira Waja.



Pada pendapat anda, mengapakah kempen tersebut perlu diadakan? Huraikan jawapan anda dengan memberikan alasan yang sesuai.

2. Situasi di bawah berkaitan dengan kehidupan Pak Cik A.

Pak Cik A sering masuk ke hutan untuk mencari madu kerana harga pasarannya yang tinggi. Dalam usaha mencari madu, puntung api yang digunakan untuk menghalau lebah telah dibuang di merata-rata tempat sehingga menyebabkan kebakaran dan merosakkan kawasan hutan.

Wajarkah tindakan yang dilakukan oleh Pak Cik A? Jelaskan jawapan berdasarkan nilai-nilai universal yang dipelajari.



**Jangan tanya apa yang negara
boleh lakukan untuk anda,
tanya apa yang boleh anda
lakukan untuk negara.**

(John F. Kennedy)



UNIT 7

Hak Saya sebagai Warganegara Malaysia

Murid dapat:

- 7.1.1 Memberikan maksud warganegara.
- 7.1.2 Menjelaskan dengan contoh cara mengamalkan hak sebagai warganegara.
- 7.1.3 Menghuraikan kepentingan hak sebagai warganegara.
- 7.1.4 Mengekspresikan perasaan apabila mempunyai hak sebagai warganegara.
- 7.1.5 Mengamalkan hak sebagai warganegara dalam kehidupan harian.

Cadangan Nilai

- Patriotisme
- Berterima Kasih
- Kebebasan
- Hormat

Warganegara bermaksud penduduk sesebuah negara yang terdiri daripada penduduk asli tempatan dan juga orang asing yang diterima menjadi rakyat mengikut undang-undang sesebuah negara.

Berdasarkan Perlembagaan Malaysia, hak kita sebagai warganegara Malaysia termaktub dalam Kebebasan Asasi Perkara 5 hingga Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan.

Kita ialah warganegara Malaysia. Adakah anda tahu hak anda sebagai warganegara Malaysia?



Perkara 5.

Tiada seorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang.

Perkara 6.

Tiada sesiapa pun boleh ditahan sebagai abdi.

Perkara 7.

Perlindungan daripada undang-undang jenayah kuat kuasa ke belakang dan prosiding berulang.

Perkara 8.

Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang.

Hak Kita sebagai Warganegara Malaysia

Sumber: *Perlembagaan Persekutuan*, hingga 20 Januari 2017, International Law Book Services.

Cara Mengamalkan Hak sebagai Warganegara Malaysia

- Mendaftar sebagai pengundi.
- Melaksanakan tanggungjawab sebagai pengundi.
- Memiliki dokumen yang sah sebagai warganegara.
- Mematuhi peraturan dan undang-undang negara.
- Mematuhi Perlembagaan Malaysia.

Kepentingan Memiliki Hak sebagai Warganegara Malaysia

- Menjamin keamanan dan keselamatan diri saya.
- Menjamin hak saya.
- Menjamin kesejahteraan hidup saya.
- Menikmati keistimewaan yang diberikan oleh negara.
- Bebas untuk memberikan sumbangan kepada diri, keluarga dan negara.



Perkara 9.

Tiada seorang warganegara pun boleh dibuang negeri atau ditahan masuk ke Persekutuan.

Perkara 10.

Tiap-tiap warganegara berhak kepada kebebasan bercakap, berhimpun dan menubuhkan persatuan.

Perkara 11.

Tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya.

Perkara 12.

Hak mendapat pendidikan. Tidak boleh ada diskriminasi terhadap mana-mana warganegara semata-mata atas alasan agama, ras, keturunan atau tempat lahir.

Perkara 13.

Tiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang.

Saya mengamalkan kewajipan sebagai warganegara Malaysia dengan mempraktikkan nilai-nilai seperti yang berikut:

PATRIOTISME

- Mengutamakan kepentingan negara melebihi kepentingan diri.
- Sayang dan bangga akan negara.

BERTERIMA KASIH

- Bersyukur dapat hidup dalam negara yang aman dan damai.
- Berusaha untuk menjadi warganegara yang baik.

KEBEBASAN

- Tidak menyentuh isu-isu yang boleh menjejaskan keharmonian negara.
- Menggunakan saluran yang betul untuk menyuarakan pendapat.

HORMAT

- Menghormati amalan keagamaan, kepercayaan, adat resam dan budaya pelbagai kaum.
- Menghormati keluarga, jiran, rakan dan masyarakat tanpa mengira tua atau muda.

7.1.1 / 7.1.2

7.1.3 / 7.1.4

7.1.5

AKTIVITI PAK-21 Find-A-Treasure

Membuat rumusan tentang kepentingan melaksanakan hak berhimpun dan hak bersuara sebagai warganegara Malaysia.

Soalan Rangsangan

Apakah hak anda sebagai warganegara Malaysia?

Jika anda tidak berpuas hati tentang sesuatu perkara atau isu, bagaimanakah anda melaksanakan hak anda sebagai warganegara?

Sebagai rakyat Malaysia, mengapakah anda perlu peka terhadap isu-isu sensitif semasa menyuarakan pendapat?

Andaikan anda seorang penulis. Apakah peraturan yang perlu anda patuhi dalam penulisan agar tidak menjejaskan keharmonian masyarakat pelbagai kaum?

Ramalkan kesan yang akan berlaku jika rakyat bebas mengadakan perhimpunan tanpa sekatan.

Langkah Pelaksanaan**Langkah 1: Membuat Persediaan**

1. Bentukkan beberapa kumpulan murid yang terdiri daripada tiga atau empat orang ahli.
2. Letakkan kotak atau bekas di tengah-tengah meja.
3. Letakkan soalan di sebelah kotak atau bekas tersebut. Setiap meja mempunyai soalan rangsangan yang berbeza.
4. Letakkan beberapa keping kertas kosong di atas meja tersebut.

**Langkah 2: Berfikir dan Mencatat**

1. Setiap ahli kumpulan akan membaca soalan yang terdapat di atas meja.
2. Setiap ahli kumpulan akan menulis jawapan di atas kertas kosong yang disediakan tanpa berbincang dengan ahli kumpulan yang lain.
3. Setiap ahli kumpulan akan melipat kertas jawapan tersebut dan meletakkannya ke dalam kotak atau bekas yang disediakan.
4. Setelah semua ahli kumpulan meletakkan kertas jawapan di dalam kotak atau bekas, bersedia untuk bergerak ke meja lain.



Langkah 3: Bergerak ke Meja Lain

1. Murid akan bergerak ke meja yang lain dalam kumpulan.
2. Murid akan membaca soalan yang terdapat di atas meja tersebut, mencatat jawapan di dalam kertas kosong, melipat kertas jawapan dan meletakkannya ke dalam kotak atau bekas yang disediakan.
3. Proses ini berulang di meja lain sehinggalah semua soalan selesai dijawab oleh murid.



Langkah 4: Menganalisis Jawapan

1. Setelah semua soalan dijawab, semua kumpulan akan kembali ke meja masing-masing untuk menyemak semua jawapan yang terdapat di dalam kotak atau bekas tersebut.
2. Setiap ahli kumpulan akan menilai jawapan yang diberikan, sama ada sesuai atau tidak. Rekodkan jawapan yang diterima secara kreatif dengan menggunakan peta pemikiran atau peta minda.



Langkah 5: Membuat Pembentangan

1. Bentangkan hasil dapatan secara kreatif dengan menggunakan peta minda atau perisian multimedia yang sesuai.



Langkah 6: Membuat Penilaian dan Rumusan

1. Nilai hasil dapatan kumpulan lain dengan memberikan komen atau bintang.
2. Buat rumusan tentang kepentingan melaksanakan hak berhimpun dan hak bersuara sebagai warganegara Malaysia.

AKTIVITI PAK-21 Pembelajaran Berasaskan Projek

Secara berkumpulan, hasilkan risalah tentang hak sebagai warganegara untuk mendaftar dan mengundi semasa pilihan raya secara manual atau digital.

Langkah Pelaksanaan

Langkah

1

Mencari dan Mengumpulkan Maklumat

1. Secara berkumpulan, cari dan kumpulkan maklumat tentang syarat-syarat untuk mendaftar dan mengundi semasa pilihan raya daripada pelbagai sumber seperti Internet dan bahan bacaan.

Langkah

2

Menghasilkan Risalah

1. Hasilkan risalah secara manual atau secara digital.
2. Risalah yang dihasilkan hendaklah mengandungi maklumat yang terpapar dalam contoh yang diberikan.

Langkah

3

Mempamerkan Risalah

Pamerkan risalah yang dihasilkan di beberapa tempat di sekolah seperti di bilik darjah, papan kenyataan sekolah, sudut informasi atau secara maya di laman web sekolah.

Risalah mesti mengandungi maklumat seperti yang berikut:

- Siapakah yang layak untuk mendaftar sebagai pengundi?
- Mengapakah anda perlu mendaftar sebagai pengundi?
- Apakah kaedah pendaftaran dan bagaimanakah cara untuk mendaftar sebagai pengundi?
- Di manakah pusat pendaftaran?
- Di manakah anda boleh menyemak status pendaftaran?
- Sekiranya anda berada di luar kawasan pilihan raya, bagaimanakah anda mengundi?
- Siapakah golongan yang dibenarkan mengundi dengan cara ini?
- Siapakah individu yang boleh hilang kelayakan untuk mengundi?



Mengundi ketika pilihan raya ialah satu tanggungjawab bagi menentukan masa depan diri, keluarga, masyarakat dan negara. Setujukah anda dengan pernyataan ini? Mengapa?

AKTIVITI Membuat Simulasi

Berdasarkan gambar di bawah, jalankan aktiviti simulasi mengundi di dalam bilik darjah atau dewan sekolah.

7 LANGKAH PENGUNDIAN

1 Sila masuk apabila dibenarkan oleh polis yang mengawal di pintu masuk.

2 Serahkan MyKad/dokumen pengenalan diri dan slip semakan kepada Kerani Pengundian Pertama. Tunjukkan tangan untuk diperiksa dan dipastikan tiada calitan dakwat kekal pada jari.

3 Bergerak ke hadapan Kerani Pengundian Kedua. Letakkan tangan di atas pad dakwat kekal untuk calitan jari dan tunggu nama anda dipanggil.

4 Selepas jari ditandakan dengan dakwat kekal dan sebelum kertas undi dikeluarkan, Kerani Pengundian Pertama akan membuat tandan pada nombor dan nama anda dalam buku daftar pemilih. Dapatkan kertas undi daripada Kerani Pengundian Ketiga.

5 Maju ke petak undi dan tandakan "X" pada ruangan calon dalam kertas undi anda. Pilih satu calon sahaja.

6 Masukkan kertas undi ke dalam peti undi masing-masing untuk Dewan Undangan Negeri dan Parlimen.

7 Keluar segera dari tempat mengundi.

Semua proses pengundian diperhatikan oleh ejen-ejen calon yang bertugas.

Imbas Saya



Video simulasi proses mengundi ketika pilihan raya (capaian pada 19 September 2019)

Sekiranya ada pertanyaan atau memerlukan bantuan, sila rujuk Ketua Tempat Mengundi.

Sumber: www.spr.gov.my

7.1.2
7.1.3 7.1.4
7.1.5

Nota Guru


Pastikan semua murid memahami langkah-langkah pengundian sebelum melaksanakan aktiviti simulasi. Bersoal jawab dengan murid tentang perasaan mereka melibatkan diri dalam proses pengundian dan berbincang tentang kepentingan setiap langkah pengundian tersebut.

AKTIVITI Suai Padan

Langkah Pelaksanaan

1. Aktiviti ini dijalankan secara individu.
2. Setiap murid diberikan satu sampul yang mengandungi bentuk model, petunjuk dan pilihan jawapan.
3. Murid dikehendaki memahami petunjuk untuk bentuk model yang diberikan.
4. Berdasarkan bentuk model tersebut, murid perlu mencari jawapan berpandukan pilihan jawapan.
5. Selepas mengenal pasti jawapan, murid dikehendaki menggantung jawapan tersebut mengikut bentuknya dan menampalkan jawapan itu dalam bentuk model tersebut.
6. Setiap murid akan membentangkan hasil perbincangan dengan menggunakan bentuk model yang telah ditampalkan jawapan.
7. Murid bersama-sama guru membuat rumusan.

BENTUK MODEL



MENARA KEWARGANEGARAAN

PETUNJUK

DOKUMEN RASMI KEWARGANEGARAAN



NAMA AGENSI KERAJAAN



KESAN JIKA HILANG



TEMPOH SAH LAKU



DOKUMEN HILANG DAN DIJUMPAI



KEPENTINGAN MEMILIKI DOKUMEN



Pilihan Jawapan

10 tahun

Diserahkan kepada JPN untuk pembatalan

Kad pelajar

Disalahgunakan oleh pihak tertentu untuk penipuan siber

Jabatan Imigresen Malaysia

Sepanjang tahun

Jabatan Pengangkutan Jalan

MyKad

Disalahgunakan oleh pihak luar untuk keluar masuk ke sesebuah negara

Dokumen pengenalan dan pengesahan diri

Lima tahun

Dokumen perlindungan undang-undang

Pasport

Disalahgunakan oleh pihak tertentu untuk membuat pinjaman wang

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)

Maklumat disalurkan kepada pihak Interpol

Dokumen perjalanan keluar negara

Diserahkan kepada mana-mana institusi

CAKNA BAHASA

Interpol - *International Criminal Police Organization* atau Polis Antarabangsa - berperanan dalam membanteras jenayah pada peringkat antarabangsa merangkumi penyeludupan, pemalsuan, peniruan dan perdagangan narkotik.

Siber - berkaitan dengan komputer atau Internet.

Mengapakah anda perlu membuat laporan polis apabila kehilangan MyKad atau pasport?

SEGMENT SANTAI

Imbas Saya



Lembaran kerja murid (capaian pada 19 September 2019)

7.1.3

7.1.2

7.1.5

Nota Guru

Bimbing murid semasa membentangkan hasil perbincangan. Galakkan murid untuk memberikan pendapat mereka. Guru boleh mengimbas Kod QR yang disediakan untuk mendapatkan dan memperbanyak lembaran kerja murid.

Bahagian A

1. Padankan Pernyataan A dengan Pernyataan B.

Pernyataan A	Pernyataan B
(a) Generasi muda kurang peka terhadap tanggungjawab sebagai pengundi	bagi mengekalkan perpaduan dan keharmonian hidup.
(b) Warganegara Malaysia yang kehilangan MyKad atas kecuaiannya sendiri tidak boleh membuat laporan palsu	untuk mengelakkan perselisihan faham dan negara menjadi huru-hara.
(c) Semua pihak perlu mematuhi peraturan dan undang-undang negara	namun, janganlah kita melanggar batasan sehingga menghina agama dan kepercayaan kaum lain.
(d) Walaupun rakyat Malaysia diberikan kebebasan untuk bersuara	kerana beranggapan bahawa satu undi tidak mampu membawa apa-apa makna.
(e) Setiap rakyat perlu memahami dengan jelas kandungan Perlembagaan Malaysia	untuk mengelakkan didenda oleh Jabatan Pendaftaran Negara.

2. Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

Kewajipan dan Hak sebagai Warganegara Malaysia

(a) Mengapakah anda perlu memiliki dokumen yang sah sebagai warganegara?	(b) Mengapakah anda perlu mendaftar sebagai pengundi?
?	?
(c) Mengapakah anda perlu menggunakan saluran yang betul untuk menyuarakan pendapat?	(d) Mengapakah anda tidak boleh dinafikan hak untuk mendapatkan pendidikan?
?	?

3. Situasi di bawah berkaitan dengan sikap pekerja yang tidak mahu keluar mengundi semasa pilihan raya.

Tarikh pengundian pilihan raya ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. Walau bagaimanapun, kadangkala hari pengundian diadakan pada hari bekerja. Hal ini menyebabkan segelintir pekerja enggan mengundi atas alasan sibuk dan tidak mempunyai masa.

- (a) Wajarkah tindakan pekerja tersebut? Berikan dua alasan.

- (b) Berikan tiga nilai yang sepatutnya diamalkan oleh pekerja yang enggan mengundi.

- (c) Sebagai majikan, apakah yang perlu anda lakukan untuk memastikan pekerja anda mengundi pada hari pengundian?

- (d) Selain mengundi, bagaimanakah anda mengamalkan kewajipan sebagai warganegara Malaysia?

Bahagian B (Esei)

Pernyataan berikut berkaitan dengan kebebasan bersuara rakyat Malaysia.

Setiap warganegara Malaysia mempunyai kebebasan untuk mengeluarkan pendapat dan buah fikiran. Walau bagaimanapun, kebebasan ini perlu diberikan kawalan yang sewajarnya.

Sebagai rakyat Malaysia, adakah anda bersetuju dengan pernyataan tersebut? Bincangkan.



Jika berseorangan, kita dapat melakukan sesuatu perkara yang kecil tetapi dengan bekerjasama, kita dapat melakukan perkara yang lebih besar serta bermakna.



UNIT 8

Budaya Bekerjasama Masyarakat Malaysia

Murid dapat:

- 7.2.1 Memberikan maksud masyarakat majmuk.
- 7.2.2 Menjelaskan cara memupuk kerjasama dalam masyarakat majmuk.
- 7.2.3 Menghuraikan kepentingan bekerjasama dalam masyarakat majmuk.
- 7.2.4 Mengekspresikan perasaan apabila dapat bekerjasama dalam masyarakat majmuk.
- 7.2.5 Mengamalkan sikap bekerjasama dalam masyarakat majmuk.

Cadangan Nilai

- Toleransi
- Kerjasama
- Baik Hati
- Hormat

Masyarakat majmuk bermaksud kelompok manusia yang terdiri daripada beberapa kaum atau suku bangsa yang mempunyai agama, bangsa, budaya dan bahasa yang tersendiri. Antara contoh masyarakat majmuk di Malaysia termasuklah kaum Melayu, Cina, India, Punjabi, Siam, Kadazandusun, Iban, Bajau, Dayak, Murut, Suluk, Orang Asli dan Peranakan. Kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat majmuk tersebut tidak menghalang rakyat untuk hidup berbaik-baik dan bekerjasama.

CARA MEMUPUK KERJASAMA

Mengamalkan nilai murni sebagai budaya hidup seperti ramah mesra dan saling menghormati.

Turut serta bersama-sama keluarga dalam aktiviti yang diadakan di kawasan kediaman seperti ziarah-menziarahi semasa hari perayaan.

Berkawan dan bergaul mesra dengan rakan yang pelbagai kaum.

Mempelajari bahasa kaum lain.

Mengenal dan menghormati kepelbagaian budaya serta adat kaum lain.

Imbas Saya



Video sebutan perkataan dalam pelbagai bahasa (capaian pada 19 September 2019)

欢迎 (Huān Yíng)
Selamat datang.

Mandarin

நன்றி (Nanri)
Terima kasih.

Tamil

Isai ngran nu?
Siapakah nama awak?

Kadazandusun

Ehop
Bangga.

Temiar



KEPENTINGAN BEKERJASAMA

Rakyat hidup gembira serta bahagia kerana hubungan baik yang terjalin dan tidak berlaku pergaduhan.

Perpaduan terjalin erat kerana hubungan mesra antara kaum.

Politik negara kukuh kerana rakyat mempunyai semangat patriotik.

Ekonomi berkembang maju dan menggalakkan kemasukan pelancong serta pelabur asing.

Aktiviti dan program yang diadakan pada peringkat komuniti setempat, masyarakat dan negara dapat dijayakan.

Imej negara meningkat kerana semua kaum hidup aman harmoni.

Saya mengamalkan nilai-nilai seperti yang berikut untuk menjalinkan kerjasama dalam masyarakat majmuk:

TOLERANSI

Sabar dan bertolak-ansur dengan rakan, jiran dan semua kaum bagi memastikan keharmonian hidup berkekalan.

KERJASAMA

Saling membantu antara rakan tanpa mengira agama, pangkat dan warna kulit.

BAIK HATI

Memberikan bantuan kepada mereka yang memerlukan pertolongan tanpa mengira perbezaan agama.

HORMAT

Menghormati adat resam dan kepercayaan yang diamalkan oleh rakyat Malaysia yang pelbagai kaum.



7.1.1 / 7.1.2

7.1.3 / 7.1.4

7.1.5

AKTIVITI **Bicara Berirama**

Persembahkan bicara berirama di bawah secara kreatif.

Huan Ying, Nalvaravu, Kopivosian, selamat datang kepada sahabat-sahabat
Terimalah persembahan kami, bicara berirama berjudul “Tidak Kenal Maka
Tidak Cinta dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia”

Maafkan saya kerana bertanya, masyarakat majmuk itu, maksudnya apa?
Maksudnya masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum atau bangsa
Maksudnya masyarakat yang mempunyai budaya, agama, bahasa dan adat
resam yang tersendiri tetapi hidup harmoni

Betul...betul...betul

Walaupun berbeza (nyanyi lirik lagu “Sehati Sejiwa”)

Budaya agama

Bukanlah penghalang

Kita bergandingan

Marilah bersatu

Sehati sejiwa



Malaysia kekal sejahtera. Apa yang penting? Kerjasama!

Kring! Kring!

Telefon, telefon berbunyi

Helo...jiran kita sakit? Perlu hantar ke hospital?

Boleh...boleh...boleh...kami boleh bantu

Kami generasi penyayang

Kami saling membantu dan bekerjasama

Bagaimanakah caranya?

Saya tahu. Caranya, kita perlu mengenali budaya kaum lain

Mengapa? Apa tujuannya?

Saya tahu. Tujuannya supaya kita prihatin terhadap sensitiviti kaum lain

Tidak kenal...maka tidak cinta...sudah kenal hilanglah prasangka

Setuju...setuju...setuju... Ada lagi caranya?

Kita juga perlu meluangkan masa menyertai aktiviti di kawasan kejiranan

Oooo, jom sertai gotong-royong, bersukan juga menziarahi jiran

Tidak kenal...maka tidak cinta...sudah kenal yang jauh menjadi dekat!

Setuju...setuju...setuju...Ada lagi? Ada lagi caranya?

Kita juga perlu menguasai bahasa Melayu walaupun bukan orang Melayu

Ingat...bahasa Melayu bahasa komunikasi semua kaum

Tidak kenal...maka tidak cinta...sudah faham bahasa hilanglah curiga

Kautersenyum, kutersenyum...kemesraan menguntum

Senyum...senyum kepada semua...(Nyanyi ikut melodi "Senyum Seindah Suria")

Kerjasama membawa kepada kegembiraan

Kerjasama membawa kepada keharmonian hidup

Kerjasama membawa kepada kemakmuran negara

Nukilan: Chua Chu Tee

Imbas Saya



Video contoh
bicara berrama
(capaian pada
19 September 2019)

Bagaimanakah anda mengamalkan kerjasama dalam masyarakat majmuk di kawasan tempat tinggal anda?

REFLEKSI

7.2.3

7.2.2

7.2.4

Nota Guru

Aktiviti ini boleh dijadikan pertandingan peringkat sekolah. Johan pertandingan boleh diundang untuk mengadakan persembahan bagi menjayakan program istimewa di sekolah.

AKTIVITI **Projek Amal Bakti**

Anda dan rakan-rakan dikehendaki melaksanakan projek gotong-royong perdana di sekolah.

Langkah Pelaksanaan

Langkah 1: Menyediakan Kertas Cadangan Projek Gotong-royong Perdana

CONTOH KERTAS CADANGAN PROJEK GOTONG-ROYONG PERDANA SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BENTARA

1.0 Pengenalan

Aktiviti amal bakti seperti gotong-royong perdana yang melibatkan murid-murid daripada pelbagai kaum perlu dijadikan budaya sekolah.

2.0 Objektif

- (a) Mewujudkan persekitaran sekolah yang bersih, indah dan ceria.
- (b) Memupuk kerjasama dan perpaduan antara warga sekolah, ibu bapa dan komuniti.

3.0 Tarikh, Masa dan Tempat

Tarikh: 11 Julai _____
 Masa: 7:30 pagi hingga 1:00 tengah hari
 Tempat: Kawasan sekolah

4.0 Sasaran

Warga sekolah, ibu bapa dan komuniti setempat.

5.0 Cadangan Aktiviti

- (a) Melukis mural.
- (b) Menanam pokok-pokok herba.
- (c) Membina laman kreatif.

6.0 Ahli Jawatankuasa (AJK) dan Bidang Tugas

- (a) AJK Jemputan dan Tajaan.
- (b) AJK Kain Rentang.
- (c) AJK Brosur.
- (d) AJK Taman Herba.
- (e) AJK Laman Kreatif.

7.0 Anggaran Perbelanjaan

(a) Kain rentang	RM 50.00
(b) Pokok herba	RM120.00
(c) Peralatan laman kreatif	RM 60.00
Jumlah	<u>RM230.00</u>

8.0 Penutup

Mohon kelulusan daripada pihak sekolah bagi melaksanakan projek ini.

Disediakan oleh,

.....
 (TI WEN NEE)
 Setiausaha Projek
 01 Jun _____

Disemak oleh,

.....
 (AFIROL BIN ADIM)
 Guru Pendidikan Moral
 06 Jun _____

Diluluskan oleh,

.....
 (SANGKARI A/P RAJU)
 Pengetua
 08 Jun _____

Langkah 2: Mengagihkan Tugas kepada Setiap Kumpulan

KUMPULAN	JAWATAN	BIDANG TUGAS
Kumpulan 1	AJK Jemputan dan Tajaan	<ul style="list-style-type: none"> Memaklumkan kepada warga sekolah tentang kepentingan melibatkan diri dalam projek gotong-royong semasa perhimpunan sekolah. Memuat naik promosi gotong-royong perdana melalui laman web sekolah.
Kumpulan 2	AJK Kain Rentang	<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan kain rentang projek gotong-royong perdana. Menggantung kain rentang sebelum program dilaksanakan.
Kumpulan 3	AJK Brosur	<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan brosur gotong-royong perdana. Mengedarkan brosur.
Kumpulan 4	AJK Taman Herba	<ul style="list-style-type: none"> Mendapatkan sumbangan pokok-pokok herba daripada warga sekolah, ibu bapa dan komuniti setempat. Mengenal pasti tapak atau kawasan untuk menanam pokok-pokok herba. Mendapatkan peralatan untuk menanam pokok-pokok herba.
Kumpulan 5	AJK Laman Kreatif	<ul style="list-style-type: none"> Mengenal pasti lokasi laman kreatif yang sesuai di kawasan sekolah. Menghasilkan lakaran plan laman kreatif dan konsep yang dikehendaki. Menghantar lakaran plan yang telah siap kepada guru untuk disemak. Mendapatkan peralatan untuk menyiapkan laman kreatif.



Jelaskan kesan yang dapat anda lihat dan rasai setelah terlibat dalam gotong-royong bersama-sama rakan yang pelbagai kaum.

REFLEKSI

7.2.2
7.2.4
7.2.5

Nota Guru

Bimbing murid mengadakan projek gotong-royong ini dan galakkan setiap kumpulan mempunyai anggota daripada pelbagai kaum. Gotong-royong ini boleh disesuaikan dengan keperluan dan persekitaran sekolah masing-masing.

AKTIVITI **Membuat Persembahan**

Langkah Pelaksanaan

1. Bentukkan kumpulan anda sendiri.
2. Pilih salah satu tarian tradisional kaum di Malaysia.
3. Persembahkan tarian yang dipilih di hadapan juri.
4. Lantik tiga atau empat orang murid sebagai juri untuk memilih pemenang dan mengisikan borang penilaian juri.




BORANG PENILAIAN JURI

KUMPULAN	KERJASAMA (10 markah)		
	Baik (7-10)	Sederhana (4-6)	Memuaskan (1-3)
1			
2			
3			
4			
5			



KREATIVITI (10 markah)			JUMLAH MARKAH
Menarik dan Kreatif (7-10)	Menarik (4-6)	Kurang Menarik (1-3)	



REFLEKSI

1. Apakah perasaan anda apabila dapat bekerjasama dalam kumpulan ketika menjayakan aktiviti? Jelaskan.
2. Apakah kebaikan yang anda peroleh apabila mengetahui dan mempelajari budaya kaum lain?

Bahagian A

1. Baca pernyataan di bawah dan tandakan (✓) bagi jawapan yang betul dan (✗) bagi jawapan yang salah.

Bil.	Pernyataan	(✓) atau (✗)
(a)	Masyarakat majmuk merujuk golongan yang mengamalkan budaya yang berbeza.	
(b)	Permainan tradisional perlu dihidupkan semula untuk menunjukkan identiti sesuatu kaum.	
(c)	Mengetahui dan memahami budaya kaum lain dapat mengeratkan hubungan antara kaum.	
(d)	Rakyat Malaysia tidak perlu mempelajari bahasa Melayu sekiranya sudah menguasai bahasa Inggeris kerana dapat berkomunikasi dengan kaum lain.	
(e)	Rumah terbuka yang diadakan oleh kerajaan bertujuan untuk menyediakan pelbagai makanan yang lazat untuk menjamu rakyat.	
(f)	Kerjasama antara rakyat pelbagai kaum akan menyebabkan negara aman dan harmoni.	

2. Pernyataan di bawah berkaitan dengan amalan mulia. Tulis nilai yang diamalkan.

Bil.	Amalan Mulia	Nilai
(a)	Tze Xian perlu menghormati amalan agama dan kepercayaan yang diamalkan oleh jirannya.	
(b)	Nilai toleransi harus diamalkan oleh setiap kaum demi kepentingan semua.	
(c)	Warga Sekolah Menengah Kebangsaan Kejora mengamalkan nilai kerjasama semasa karnival sukan rakyat diadakan.	
(d)	Puan Yee peka terhadap jirannya yang sakit. Dia menawarkan diri untuk menumpangkan anak jirannya itu ke sekolah.	

3. Baca dan fahami petikan di bawah.

KERJASAMA "BAGAI AUR DENGAN TEBING"

Peribahasa “bagai aur dengan tebing” menggambarkan semangat kerjasama dalam masyarakat. Budaya ini dapat dipupuk dalam masyarakat majmuk melalui peranan pelbagai pihak. Antaranya termasuklah peranan anggota masyarakat setempat yang terdiri daripada pelbagai kaum, namun masih dapat bekerjasama dalam menjayakan pelbagai aktiviti tidak kira sama ada penduduk di kampung mahupun di bandar.

(a) Nyatakan cara memupuk kerjasama dalam masyarakat.

(b) Berikan contoh aktiviti bekerjasama yang boleh anda amalkan di sekolah.

(c) Andaikan anda pengerusi persatuan penduduk. Anda dapati penduduk di kawasan tempat tinggal anda kurang melibatkan diri dalam aktiviti yang diadakan. Jelaskan tindakan yang boleh anda lakukan bagi memupuk budaya bekerjasama dalam masyarakat majmuk di situ.

(d) Jelaskan kebaikan kerjasama dalam masyarakat majmuk kepada negara.

Bahagian B (Esei)

Dialog di bawah berkaitan dengan situasi yang berlaku di sebuah sekolah.

Murid 1: Rakan-rakan sekelas kita tidak suka bergaul dengan kaum lain. Kamu sebagai ketua pengawas perlu berbuat sesuatu.

Murid 2: Betul kata kamu. Sebenarnya, murid di kelas lain juga sama. Kita perlu lakukan sesuatu supaya mereka tidak prejudis terhadap kaum lain.

Cadangkan usaha yang boleh dilakukan oleh Murid 2 sebagai ketua pengawas bagi mewujudkan kerjasama dan hubungan yang baik antara murid pelbagai kaum di sekolahnya.



senarai barang

- telur

- tepung

- roti

- susu

**Beringat sebelum kena,
Berjimat sebelum habis.**

UNIT 9

Berbelanja Secara Beretika

Murid dapat:

- 7.3.1 Memberikan maksud perbelanjaan secara beretika.
- 7.3.2 Menjelaskan kesan perbelanjaan secara beretika kepada diri.
- 7.3.3 Menghuraikan kepentingan pengurusan perbelanjaan secara beretika kepada kesejahteraan diri.
- 7.3.4 Mengekspresikan perasaan apabila menguruskan perbelanjaan secara beretika.
- 7.3.5 Mengamalkan perbelanjaan secara beretika dalam kehidupan harian.

Cadangan Nilai

- Kesederhanaan
- Bertanggungjawab
- Berdikari
- Rasional

Perbelanjaan secara beretika bermaksud berbelanja secara berhemah dengan mengambil kira keperluan, kemampuan dan beban kewangan untuk menampung perbelanjaan harian.

KESAN PERBELANJAAN SECARA BERETIKA KEPADA DIRI

Mampu membayar hutang.

Mengelakkan muflis.

Mengurangkan tekanan hidup atau stres.

Menjamin masa depan yang sejahtera.

Mempunyai wang ketika kecemasan.

KEPENTINGAN PERBELANJAAN SECARA BERETIKA

Kehidupan lebih tenang dan bahagia.

Jaminan pembiayaan pendidikan untuk masa depan.

CARA-CARA UNTUK MENGURUSKAN PERBELANJAAN SECARA BERETIKA

Mengenali terlebih dahulu tempat berbelanja.

Membeli barang yang diperlukan sahaja.

Merekodkan perbelanjaan.

Berfikir sebelum membeli.

Memupuk tabiat menyimpan dahulu sebelum berbelanja.

Saya berasa gembira kerana dapat menguruskan perbelanjaan secara beretika.



Saya mengamalkan perbelanjaan secara beretika dengan mempraktikkan nilai-nilai seperti yang berikut:

KESEDERHANAAN

- Berjimat cermat ketika berbelanja supaya tidak mengalami masalah kewangan.
- Tidak menghabiskan semua perbelanjaan harian tetapi menyimpan sedikit baki di dalam tabung.

BERTANGGUNGJAWAB

- Menyediakan buku catatan untuk mencatat perbelanjaan dengan memasukkan jumlah wang yang diterima dan jumlah wang yang dibelanjakan.

BERDIKARI

- Merancang perbelanjaan untuk diri sendiri.
- Membezakan keperluan dan kehendak sebelum merancang perbelanjaan.

RASIONAL

- Memilih tempat dan masa yang sesuai untuk membelanjakan wang.
- Tidak mudah terpengaruh dengan promosi dan tawaran.

AKTIVITI 1 PAK-21 Share and Turn

Langkah Pelaksanaan

1. Aktiviti dijalankan secara berkumpulan.
2. Setiap ahli dalam kumpulan akan meneliti perbelanjaan Encik Anthony, Encik Thomas dan Encik James.
3. Setelah membuat penelitian, setiap ahli kumpulan akan memilih individu yang mengamalkan perbelanjaan secara beretika dan memberikan sebab pilihan tersebut dibuat.
4. Setiap ahli dalam kumpulan akan mengambil giliran mengikut pusingan jam dan memberikan pendapat mereka secara lisan.
5. Aktiviti ini dijalankan sehingga semua ahli telah memberikan pendapat.
6. Berdasarkan pendapat semua ahli, buat satu rumusan atas persetujuan bersama tentang siapakah yang mengamalkan perbelanjaan secara beretika dan berikan sebab yang munasabah.
7. Bentangkan hasil dapatan secara kreatif dengan menggunakan peta pemikiran atau peta minda yang sesuai.
8. Murid bersama-sama guru akan membuat rumusan tentang kepentingan mengamalkan perbelanjaan secara beretika dalam kehidupan.

Encik Anthony

Pendapatan bulanan = RM4300.00
 Simpan = RM 500.00
 Aliran tunai sebenar = RM3800.00

Perbelanjaan tetap bulanan:

1. Sewa rumah = RM 800.00
2. Ansuran kereta = RM 520.00
3. Minyak kereta = RM 150.00

Jumlah = RM1470.00

Pebelanjaan boleh ubah:

1. Barangan keperluan rumah = RM 900.00
2. Utiliti = RM 400.00
3. Pakaian = RM 250.00
4. Hiburan = RM 200.00
5. Anak = RM 500.00

Jumlah = RM2250.00

Lebihan tunai = RM 80.00

Encik Thomas

Pendapatan bulanan = RM4300.00
 Aliran tunai sebenar = RM4300.00

Perbelanjaan tetap bulanan:

1. Sewa rumah = RM 900.00
2. Ansuran kereta = RM 800.00
3. Minyak kereta = RM 200.00

Jumlah = RM1900.00

Pebelanjaan boleh ubah:

1. Barangan keperluan rumah = RM 850.00
2. Utiliti = RM 300.00
3. Pakaian = RM 300.00
4. Hiburan = RM 300.00
5. Anak = RM 500.00

Jumlah = RM2250.00

Lebihan tunai = RM 150.00

Encik James

Pendapatan bulanan = RM4300.00
 Simpan = RM 900.00
 Aliran tunai sebenar = RM3400.00

Perbelanjaan tetap bulanan:

1. Sewa rumah = RM 800.00
2. Ansuran kereta = RM 450.00
3. Minyak kereta = RM 150.00

Jumlah = RM1400.00

Pebelanjaan boleh ubah:

1. Barangan keperluan rumah = RM 800.00
2. Utiliti = RM 400.00
3. Pakaian = RM 150.00
4. Hiburan = RM 150.00
5. Anak = RM 500.00

Jumlah = RM2000.00

Lebihan tunai = RM 0.00

Sebagai anak, nyatakan cara anda membantu meringankan bebanan perbelanjaan ibu bapa.

SEGMENT SANTAI

AKTIVITI 2 PAK-21 Menghasilkan Catatan Diari Kewangan

Hasilkan catatan diari tentang pengurusan perbelanjaan secara beretika bagi tempoh tertentu. Rekodkan perbelanjaan dengan menggunakan buku kecil atau menggunakan teknologi telefon pintar.

Langkah Pelaksanaan

1. Catat jumlah sumber kewangan yang anda peroleh dalam tempoh seminggu.
2. Buat perancangan tentang cara anda menggunakan sumber kewangan tersebut. Contohnya, untuk makanan dan minuman.
3. Rekodkan perbelanjaan sebenar untuk tempoh seminggu.
4. Bandingkan perancangan dan perbelanjaan anda.



Contoh Catatan untuk Buku Kecil

Tarikh	Wang Diterima	Perancangan		Perbelanjaan Sebenar		Jumlah
		Butiran	RM	Butiran	RM	RM
02/01/____	RM50.00 Seminggu	Minuman	2.00	Air Limau	?	?
		Makanan	3.00	Nasi Lemak	?	?
		Snek	1.00	Rojak	?	?
		?	?	?	?	?
03/01/____		?	?	?	?	?
		?	?	?	?	?
		?	?	?	?	?

1. Adakah anda berpuas hati dengan pengurusan perbelanjaan harian anda? Jelaskan.
2. Berapakah yang dapat anda simpan apabila mengamalkan perbelanjaan secara beretika?

REFLEKSI

AKTIVITI Permainan Bijak Berbelanja

Langkah 1 Persediaan

1. Aktiviti ini dijalankan secara berkumpulan melibatkan tiga hingga lima orang murid.
2. Setiap kumpulan akan diberikan satu set kad yang mengandungi beberapa kad situasi.
3. Kad situasi tersebut diletakkan di tengah-tengah meja.
4. Kad situasi tersebut diterbalikkan supaya murid tidak dapat membaca kandungan kad situasi tersebut.
5. Setiap murid dalam kumpulan akan mengambil giliran mengikut arah pusingan jam untuk mengambil dan membaca kad situasi tersebut.

Langkah 2 Mendengar dan Memberikan Cadangan

1. Murid pertama akan mengambil satu kad situasi dan membaca dengan kuat kandungan yang terdapat dalam kad situasi.
2. Ahli kumpulan yang lain akan mendengar dengan teliti apabila kandungan kad tersebut dibacakan oleh murid pertama.
3. Setiap ahli kumpulan akan mengambil giliran untuk memberikan cadangan kepada murid pertama bagi membantunya menyelesaikan masalah.

Langkah 3 Memilih Cadangan Terbaik

1. Murid pertama akan mendengar dengan teliti semua cadangan yang diberikan oleh setiap ahli kumpulan.
2. Setelah mendengar semua cadangan tersebut, murid pertama akan membuat keputusan untuk memilih cadangan terbaik dan memberikan sebab pilihannya.
3. Murid pertama akan menyerahkan kad situasinya kepada murid yang memberikan cadangan terbaik.

Langkah 4 Sesi Diteruskan

1. Aktiviti ini diteruskan. Secara bergilir-gilir, setiap ahli kumpulan akan mengambil dan membaca dengan kuat kandungan kad situasi sehingga semua kad situasi selesai digunakan.
2. Pemenang ialah murid yang dapat mengumpulkan kad situasi paling banyak.

Langkah 5 Membuat Rumusan

Setiap ahli kumpulan dikehendaki membuat rumusan tentang kebaikan mengamalkan perbelanjaan secara beretika.



Ramalkan kesan yang akan berlaku sekiranya pemimpin sesebuah negara tidak menguruskan kewangan negaranya secara beretika.

KAD SITUASI 1

Saya murid tingkatan 4. Setiap minggu, bapa saya akan memberikan RM50.00 untuk keperluan di sekolah. Walau bagaimanapun, wang saku yang diberikan tidak cukup untuk seminggu. Saya kerap meminta wang tambahan.

Bantulah saya.

KAD SITUASI 2

Saya pelajar universiti. Setiap bulan, ibu bapa saya memasukkan RM1000.00 ke dalam akaun saya. Saya juga menerima biasiswa sebanyak RM300.00 sebulan. Namun, wang yang saya terima tidak mencukupi untuk tempoh sebulan. Saya suka membeli-belah dan membelanjai kawan-kawan makan di restoran yang mahal.

Bantulah saya.

KAD SITUASI 3

Saya baru bekerja. Saya menghabiskan gaji saya dengan membeli kereta, pakaian berjenama dan berhibur. Sekarang, saya mengalami masalah untuk membayar ansuran kereta dan tidak mempunyai wang yang cukup untuk menampung keperluan harian.

Bantulah saya.

KAD SITUASI 4

Saya suka mengamalkan gaya hidup mewah. Saya sanggup menghabiskan gaji dan berhutang untuk membeli barangan berjenama dan melancong ke luar negara. Sekarang, saya tertekan kerana hutang saya semakin banyak.

Bantulah saya.

KAD SITUASI 5

Saya sangat suka membeli-belah dan melancong. Saya suka menggunakan kad kredit untuk berbelanja. Oleh sebab sikap saya itu, saya menghadapi masalah untuk membayar balik hutang kad kredit. Saya berasa tertekan kerana kerap menerima mesej, panggilan dan surat daripada bank.

Bantulah saya.

KAD SITUASI 6

Saya tidak dapat mengawal diri apabila ada jualan murah dan potongan harga yang menarik, terutamanya pembelian dalam talian. Cara ini bukan sahaja menjimatkan masa, malah mudah dan saya boleh membeli tanpa had masa. Keadaan ini menyebabkan saya banyak berbelanja walaupun barangan tersebut tidak diperlukan dengan segera.

Bantulah saya.



7.3.2


7.3.3

7.3.5

AKTIVITI 1 Kenal Pasti Amalan Perbelanjaan

Langkah Pelaksanaan

1. Aktiviti ini dijalankan secara berkumpulan.
2. Setiap kumpulan diberikan satu sampul yang mengandungi beberapa kepingan kertas tentang amalan perbelanjaan secara beretika dan amalan perbelanjaan secara tidak beretika.
3. Murid dikehendaki berbincang dan menampalkan kepingan kertas tersebut pada peta pemikiran yang disediakan.
4. Wakil kumpulan membentangkan hasil perbincangan.



Amalan yang manakah paling anda gunakan semasa membuat perbelanjaan? Jelaskan.

Imbas Saya



Lembaran kerja murid (capaian pada 19 September 2019)

AKTIVITI 2 Setiap Sen Berharga

“Tanpa sen tidak ada ringgit, tanpa ringgit tidak ada ratus”. Kita lebih menghargai duit kertas sehingga mengabaikan duit syiling dengan meletakkannya di merata-rata tempat. Hargailah setiap sen yang anda ada.

Langkah Pelaksanaan

1. Sediakan satu botol atau beberapa botol untuk menyimpan duit syiling.
2. Letakkan botol tersebut di beberapa tempat di rumah anda.
3. Setiap kali anda membuat perbelanjaan dan mempunyai baki duit syiling, masukkan duit syiling tersebut ke dalam botol ini. Jadikan ini amalan hidup anda.
4. Duit syiling yang anda jumpa di tempat lain seperti lantai rumah, bilik tidur dan di ruang tamu, boleh dimasukkan ke dalam botol ini setelah mendapat kebenaran ibu bapa.
5. Ajak ibu bapa dan anggota keluarga yang lain untuk bersama-sama menghargai duit syiling dengan memasukkan duit syiling ke dalam botol yang anda sediakan.




Adakah amalan ini memberikan kebaikan kepada anda dan keluarga? Berikan sebab.

REFLEKSI

Bahagian A

1. Isi tempat kosong dengan jawapan yang tepat.



2. Tandakan (✓) pada pernyataan yang menunjukkan amalan perbelanjaan yang beretika dan (✗) pada pernyataan yang sebaliknya.

Bil.	Pernyataan	(✓) atau (✗)
(a)	Semasa jualan murah, Siew Lin berasa gembira kerana dapat membeli semua barangan dengan harga yang berpatutan walaupun barang tersebut tidak diperlukannya.	
(b)	Kenny mempunyai sebuah buku catatan untuk mencatat perbelanjaannya setiap kali dia berbelanja.	
(c)	Bhevika tidak menghabiskan semua wang sakunya tetapi menyisihkannya sedikit untuk disimpan di dalam tabung.	
(d)	Santha akan membelanjakan wangnya di kedai yang sama walaupun harga barang di kedai tersebut lebih mahal daripada kedai lain.	
(e)	Agus membeli semua barang dengan harga yang murah tanpa melihat tarikh luput barang tersebut.	

3. Teliti iklan di bawah.



- (a) Apakah yang patut anda lakukan apabila terlihat iklan ini? Berikan tiga jawapan.
- _____
- _____
- (b) Berikan dua nilai yang anda amalkan semasa jualan murah tersebut berlangsung.
- _____
- _____
- (c) Bagaimanakah untuk menjadi seorang pengguna yang berhemah? Nyatakan tiga cara.
- _____
- _____

4. Carta di bawah menunjukkan satu contoh pengurusan perbelanjaan isi rumah.



- (a) Adakah perbelanjaan tersebut beretika? Mengapa?
- _____
- (b) Jelaskan kepentingan perbelanjaan secara beretika kepada diri sendiri.
- _____
- (c) Berikan dua cara anda menguruskan perbelanjaan secara beretika.
- _____

Bahagian B (Esei)

Gambar di bawah menunjukkan Encik Liew sedang memikirkan masalah yang dihadapinya.



Bagaimanakah anda dapat membantu Encik Liew menyelesaikan masalah yang dihadapinya? Huraikan jawapan anda.



Sekiranya kita sukar menyatukan perbezaan, maka satukanlah persamaan yang ada demi keharmonian negara.



UNIT 10

Keunikan Rakyat Identiti Negara

Murid dapat:

- 7.4.1 Menyenaikan keunikan rakyat Malaysia dari segi agama, bangsa, budaya dan bahasa.
- 7.4.2 Menjelaskan dengan contoh keunikan yang menjadi kebanggaan rakyat Malaysia.
- 7.4.3 Menghuraikan kepentingan mengekalkan keunikan rakyat Malaysia.
- 7.4.4 Mengekspresikan perasaan apabila dapat mengekalkan keunikan rakyat Malaysia.
- 7.4.5 Mempraktikkan peranan dalam mengekalkan keunikan rakyat Malaysia dalam kehidupan harian.

Cadangan Nilai

- Patriotisme
- Kerajinan
- Berdikari
- Keberanian

Malaysia ialah sebuah negara yang unik atau istimewa. Keunikan rakyat Malaysia dapat dilihat dari segi kepelbagaian agama dan kepercayaan, bangsa, budaya dan bahasa yang menjadi warisan negara.

AGAMA DAN KEPERCAYAAN

Agama Islam sebagai agama rasmi, namun agama Buddha, Hindu, Kristian, Sikh dan lain-lain bebas diamalkan dan dianuti. Selain itu, terdapat juga penduduk yang mengamalkan kepercayaan kepada roh dan semangat alam semula jadi.

BAHASA

Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan dipertuturkan oleh pelbagai kaum di Malaysia. Bahasa lain seperti Mandarin, Tamil, Punjabi, Iban, Kadazandusun termasuk pelbagai bahasa dan dialek mengikut suku kaum di Malaysia juga dipertuturkan.

KEUNIKAN RAKYAT MALAYSIA

BANGSA

Terdapat banyak bangsa, kaum dan etnik di Malaysia, antaranya termasuklah Melayu, Cina, India, Punjabi, Siam, Orang Asli, Peranakan Baba dan Nyonya, Peranakan Chetti, Kadazandusun, Bajau, Murut, Suluk, Iban, Dayak, Melanau dan Kelabit.

BUDAYA

Terdapat pelbagai adat resam, makanan, cara berpakaian, tarian dan pantang larang dalam budaya rakyat Malaysia. Kebudayaan yang pelbagai ini bukan sahaja diwarisi oleh sesuatu kaum tetapi sebahagiannya turut diterima oleh masyarakat Malaysia. Contohnya, baju Punjabi yang turut dipakai oleh kaum lain.

CAKNA BAHASA

Dialek - satu bentuk bahasa yang digunakan dalam sesuatu daerah atau sesuatu lapisan masyarakat.



KEPENTINGAN MENGEKALKAN KEUNIKAN RAKYAT MALAYSIA

Kepelbagaian agama dan kepercayaan, bangsa, budaya dan bahasa tidak akan hilang dan dilupakan.

Memajukan ekonomi negara kerana keunikan Malaysia menjadi aset kepada kemajuan ekonomi negara.

Menjadi lambang identiti sesuatu kaum dan kesinambungan tamadun bangsa.

Membentuk jati diri bangsa Malaysia.

Menjalin dan memperkukuh perpaduan antara kaum.

Meningkatkan semangat patriotisme terhadap negara.

Generasi muda dapat mengetahui asal usul nenek moyang mereka dan tidak mudah lupa diri.

Saya mengekalkan keunikan sebagai rakyat Malaysia dengan mengamalkan nilai-nilai seperti yang berikut:

PATRIOTISME

Berbangga menjadi rakyat Malaysia dan bersikap keterbukaan serta bersedia menerima kepelbagaian yang ada tanpa mengabaikan tradisi masing-masing.

KERAJINAN

Berusaha bersungguh-sungguh mengekalkan keunikan warisan bangsa.

BERDIKARI

Bertindak secara proaktif dalam menjalin hubungan baik antara kaum.

KEBERANIAN

Sanggup menghadapi cabaran demi mempertahankan budaya dan identiti yang diwarisi agar tidak ditelan zaman.



7.4.1 7.4.2
7.4.3 7.4.4
7.4.5

AKTIVITI 1 Lakonan

Langkah Pelaksanaan

Langkah 1: Memilih Watak

Pilih dua orang murid untuk melakonkan dialog di bawah.

Langkah 2: Perbincangan

Secara berkumpulan, bincangkan keunikan yang diamalkan oleh keluarga Tze Han dan keluarga Atuk Dollah.

Langkah 3: Pembentangan

Buat rumusan dan bentangkan hasil perbincangan dengan menggunakan peta minda secara kreatif.



Tze Han: Wah, Atuk Dollah bawa bubur asyura! Dari jauh saya sudah dapat hidu baunya. Terima kasih, Atuk Dollah. Setiap tahun, saya sekeluarga dapat makan bubur asyura yang sedap.

Atuk Dollah: Sama-sama. Tze Han sudah macam cucu Atuk Dollah. Jadi, setiap tahun apabila Atuk Dollah buat bubur asyura, mesti teringat akan Tze Han yang suka makan bubur asyura.

Tze Han: Apakah ramuan bubur asyura ini, Atuk Dollah? Rasanya sedap sungguh.

Atuk Dollah: Macam-macam Tze Han. Setiap negeri tidak sama ramuannya. Di Kelantan, antara ramuan bubur asyura termasuklah daging, jagung, gula dan rempah. Ayah Tze Han prihatin sungguh. Setiap tahun, dia akan memberikan gula apabila Atuk Dollah membuat bubur asyura. Di mana ayah Tze Han?

Tze Han: Dia pergi menghantar barang yang dipesan oleh pelanggan. Cucu Atuk Dollah, Zali ada di rumahkah? Dia berjanji untuk mengajar saya membuat wau. Saya hendak ikut Atuk Dollah pulang untuk berjumpa Zali.



Atuk Dollah: Zali ada di rumah. Tapi, adakah Tze Han sudah meminta izin daripada mak dan ayah?

Tze Han: Sudah. Emak benarkan. Emak berpesan supaya pulang sebelum waktu asar. Nanti, Atuk Dollah hendak solat dan berehat. Dia risau saya mengganggu atuk. Jom, kita pergi sekarang! Saya tidak sabar hendak membonceng basikal dengan Atuk Dollah.



Apakah keunikan yang boleh dibanggakan dalam masyarakat di kawasan tempat tinggal anda?

SEGMENT SANTAI

Imbas Saya



Video cara membuat bubur asyura (capaian pada 19 September 2019)

AKTIVITI 2 Persembahan Multimedia

Langkah Pelaksanaan

1. Secara berkumpulan, bincang dan kenal pasti makanan atau adat resam yang semakin dilupakan oleh generasi muda.
2. Cari dan kumpulkan maklumat berkaitan dengan makanan atau adat resam tersebut berdasarkan perkara berikut:
 - (a) Asal usul dan keunikannya.
 - (b) Cara untuk mengekalkan keunikannya.
 - (c) Kepentingan mengekalkan keunikannya.
3. Bentangkan maklumat yang dikumpul secara kreatif dengan menggunakan perisian multimedia.



isam



ketiwol



linopot



Makanan daripada pelbagai kaum dapat menyatukan rakyat Malaysia. Bersetujukah anda? Jelaskan.

AKTIVITI PAK-21 Projek Menghasilkan Buku Skrap

Langkah Pelaksanaan

Langkah
1

Memilih Tajuk dan Mengumpulkan Maklumat

1. Secara berkumpulan, pilih salah satu tajuk berkaitan dengan keunikan rakyat Malaysia seperti agama, kepercayaan, adat resam, perayaan atau permainan tradisional yang menjadi kebanggaan negara.
2. Cari dan kumpulkan gambar serta maklumat tersebut.



Langkah
2

Mencatat Maklumat

1. Catat maklumat berdasarkan perkara berikut:
 - (a) Keunikan perkara yang dikaji.
 - (b) Kepentingan mengekalkan keunikan tersebut.
 - (c) Peranan anda dalam mengekalkan keunikan tersebut.





Langkah 3

Menyiapkan Buku Skrap

1. Susun semua maklumat untuk dijadikan buku skrap.
2. Tulis tajuk buku skrap yang dihasilkan dengan lengkap dan hiaskan secara kreatif.
3. Pamerkan buku skrap tersebut di sudut kelas Pendidikan Moral.



Apakah perasaan anda apabila mengenali keunikan kebudayaan masyarakat majmuk di negara kita? Jelaskan.

REFLEKSI

7.4.1 7.4.2
7.4.3 7.4.4
7.4.5

Nota Guru

Agihkan tajuk kepada murid agar pelbagai buku skrap untuk bacaan dan rujukan dapat dihasilkan.

AKTIVITI 1 Teka Silang Kata

Lengkapkan teka silang kata berkaitan dengan keunikan rakyat Malaysia.



Melintang

1. _____ suka melihat kepelbagaian budaya di Malaysia.
2. Kaum terbesar di Malaysia ialah kaum _____.
3. Keunikan rakyat Malaysia boleh dilihat melalui penggunaan _____.
4. Kebanyakan kaum _____ terdapat di Sarawak.

Menegak

5. _____ negara terjamin apabila pelbagai kaum bersikap toleransi.
6. Perkataan _____ daripada bahasa Cina bermaksud “mahu bungkus makanan yang dibeli”, telah dituturkan secara meluas oleh masyarakat Malaysia.
7. _____ merupakan makanan tradisional kaum Punjabi yang digemari oleh kebanyakan masyarakat Malaysia.
8. Tarian _____ ialah sebahagian daripada tarian tradisional dan warisan masyarakat Cina.
9. Saya berasa _____ apabila dapat bertutur bahasa Melayu dengan baik.

AKTIVITI 2 Kenali Permainan Tradisional

Langkah Pelaksanaan

1. Kenal pasti salah satu permainan tradisional rakyat Malaysia.
2. Cari rakan anda yang mempunyai kemahiran dalam permainan tersebut untuk menunjukkan cara permainan ini dimainkan.
3. Bermain permainan tradisional tersebut bersama-sama rakan anda.



REFLEKSI

Jelaskan pengalaman dan perasaan anda dapat bermain permainan tradisional tersebut.



Bagaimanakah generasi muda dapat memastikan permainan tradisional tidak pupus ditelan zaman?

Bahagian A

1. Sila padankan gambar dengan jawapan yang betul.

Makanan tradisional



(a)

Nonsom



(c)

Manuk Pansuh



(e)

Kuih Angku

Kaum

Kelabit

Baba Nyonya


Kadazandusun

Iban

Melayu


Siam

Makanan tradisional




(b)

Pulut Panggang



(d)

Nuba Laya



(f)

Som Tam

2. Fahami pernyataan yang diberikan dan lengkapkan jadual di bawah.

Bil.	Pernyataan	Tindakan Anda
(a)	Jiran anda telah mendirikan khemah dan menghalang jalan kerana mengadakan upacara sembahyang selama tiga hari untuk datuknya yang meninggal dunia. Perbuatan jiran tersebut menyusahkan anda untuk pergi dan balik dari sekolah. Apakah yang akan anda lakukan?	
(b)	Seorang murid baharu telah dimasukkan ke kelas anda. Dia sangat pemalu dan tidak mempunyai ramai kawan kerana agama dan budayanya berbeza daripada anda dan rakan-rakan. Apakah yang akan anda lakukan?	
(c)	Anda lebih selesa menggunakan bahasa ibunda ketika bertutur dengan rakan baik anda tetapi guru meminta anda berdua bertutur dalam Bahasa Kebangsaan. Bagaimanakah anda dapat menguasai Bahasa Kebangsaan seperti yang disarankan oleh guru?	
(d)	Anda dihantar belajar ke Jepun oleh kerajaan Malaysia. Anda dikehendaki mempromosikan keunikan negara Malaysia kepada pelancong. Apakah yang akan anda lakukan?	
(e)	Sebagai ahli kelab kebudayaan, bagaimanakah anda dapat menarik perhatian remaja di sekolah supaya meminati permainan tradisional rakyat Malaysia?	

3. Gambar dan maklumat di bawah berkaitan dengan keunikan permainan kedingting.

- Dimainkan secara berkumpulan.
- Dimainkan oleh semua kaum di Malaysia.
- Tempat bermain biasanya di halaman rumah.



- (a) Nyatakan contoh permainan tradisional lain yang dimainkan oleh rakyat Malaysia.

- (b) Mengapakah permainan tradisional tidak popular dalam kalangan generasi muda?

- (c) Apakah kelebihan yang terdapat pada permainan tradisional dan permainan komputer?

- (d) Selain dapat menjalin perpaduan, jelaskan kepentingan permainan tradisional diperkenalkan kepada generasi muda.

Bahagian B (Esei)

Rajah di bawah menunjukkan contoh keunikan negara kita.



Bagaimanakah keunikan tersebut dapat membantu memajukan ekonomi negara kita? Huraikan jawapan anda.



**Tanah ini tanah airku.
Tanah airku makmur dan berdaulat.
Hasil usaha kita bersama-sama.**

UNIT 11

Kedaulatan Negara Tanggungjawab Bersama-sama

Murid dapat:


- 7.5.1 Menyenaraikan ciri negara berdaulat.
- 7.5.2 Menjelaskan cara mengekalkan kedaulatan negara.
- 7.5.3 Menghuraikan kepentingan mengekalkan kedaulatan negara.
- 7.5.4 Mengekspresikan perasaan apabila dapat mengekalkan kedaulatan negara.
- 7.5.5 Melibatkan diri dalam aktiviti mengekalkan kedaulatan negara dalam kehidupan harian.

Cadangan Nilai

- Kerjasama
- Keberanian
- Bertanggungjawab
- Patriotisme

Malaysia telah mendapat kemerdekaan pada tahun 1957. Sejak itu, Malaysia telah berdiri sebagai sebuah negara berdaulat. Sebagai negara berdaulat, kita mempunyai hak dan kuasa sepenuhnya untuk memerintah dan mentadbir negara kita sendiri. Hal ini bermakna, kita tidak perlu mengikut telunjuk mana-mana kuasa besar bagi menentukan hala tuju negara dalam aspek politik, ekonomi dan sosial.

Peta minda di bawah menunjukkan ciri-ciri Malaysia sebagai negara berdaulat.



Kepentingan Mengekalkan Kedaulatan Negara



Saya sangat bersyukur kerana hasil sokongan dan kerjasama semua rakyat Malaysia, kedaulatan negara dapat dipelihara dan dijaga dengan baik.



CAKNA BAHASA

Kedaulatan - kekuasaan yang tertinggi.
Subversif - bertujuan untuk melemahkan atau memusnahkan sesuatu sistem politik, kerajaan, agama dan lain-lain dengan menjalankan aktiviti-aktiviti tertentu secara sulit.
Autonomi - hak mengurus sendiri pemerintahan tanpa penguasaan pihak lain.

Cara mengekalkan kedaulatan negara

Melaporkan kegiatan yang menyalahi undang-undang kepada pihak berkuasa.

Menyokong program pertahanan dan keselamatan negara.

Sentiasa setia dan cinta akan negara.

Mengenal dan menghormati lambang kebesaran negara.

Menghormati dan mengamalkan prinsip Rukun Negara.

Mematuhi Perlembagaan Persekutuan, peraturan dan undang-undang negara.

Menjaga rahsia negara demi keselamatan negara.

Menghindarkan diri daripada anasir subversif.



Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) merupakan sebuah agensi peneraju yang bertanggungjawab memastikan perpaduan masyarakat sentiasa dipelihara dan diperkukuh. Antara peranan JPNIN dalam memperkukuh kedaulatan negara termasuklah:

- Mendidik masyarakat supaya cinta akan perpaduan.
- Memelihara, mengekal dan meningkatkan perhubungan kaum ke arah perpaduan nasional.

Sumber: <https://www.perpaduan.gov.my/>

Imbas Saya



Pautan ke laman web JPNIN (capaian pada 19 September 2019)

Saya mengekalkan kedaulatan negara dengan mengamalkan nilai-nilai seperti yang berikut:

KERJASAMA

Berganding bahu dengan pelbagai pihak bagi menjaga keamanan negara.

KEBERANIAN

Sanggup mempertahankan maruah dan kemerdekaan negara.

BERTANGGUNGJAWAB

Sentiasa mengutamakan perpaduan dalam menyelesaikan isu yang berkaitan dengan bangsa dan negara.

PATRIOTISME

Menunjukkan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada Raja dan negara.

7.5.1 7.5.2

7.5.3 7.5.4

7.5.5

AKTIVITI PAK-21 Kembara atau Kekal (Roam or Remain)

Langkah Pelaksanaan


Langkah 1: Perbincangan

1. Aktiviti ini dijalankan secara berkumpulan. Setiap kumpulan akan diberikan kad tugas yang berbeza.
2. Setiap ahli dalam Kumpulan A dan B diberi masa selama 10 minit untuk membincangkan soalan tugas yang diberikan.
3. Hasil perbincangan dicatat pada lembaran kertas yang disediakan.



Langkah 2: Pergerakan “KEMBARA”

1. Selepas masa tamat, guru akan memberikan isyarat. Dua orang murid dari Kumpulan A akan dipilih untuk menjadi “KEMBARA” ke Kumpulan B. Kumpulan B juga akan memilih dua orang murid untuk menjadi “KEMBARA” ke Kumpulan A. Ahli Kumpulan A dan B yang lain akan kekal di meja mereka.




Langkah 3: Peranan “KEMBARA”

Ahli yang kekal dalam Kumpulan A dan B akan berkongsi hasil kerja kumpulan dengan ahli “KEMBARA” dari Kumpulan B dan A. Ahli “KEMBARA” dari Kumpulan A dan B akan mendengar, bertanya soalan dan memberikan idea baharu. Ahli yang kekal dalam Kumpulan A dan B akan menambahkan maklumat baharu ke dalam lembaran kertas mereka.



Langkah 4: “KEMBARA” Pulang ke Kumpulan Asal

Langkah 2 dan langkah 3 diulang sehingga ahli “KEMBARA” yang lain pulang ke kumpulan asal masing-masing.



Langkah 5: Penambahbaikan Idea dan Pembentangan

1. Setiap kumpulan membincangkan idea-idea baharu yang diperolehi daripada ahli “KEMBARA”. Hasil kerja kumpulan ditambah baik berdasarkan idea-idea baharu tersebut.
2. Setiap kumpulan dikehendaki membentangkan hasil kerja kumpulan masing-masing dengan menggunakan peta pemikiran atau peta minda secara kreatif.



KAD TUGASAN

1

Bincangkan peranan pelbagai pihak untuk mempertahankan maruah negara.

KAD TUGASAN

2

Bincangkan peranan pelbagai pihak bagi menjaga keamanan negara.

KAD TUGASAN

3

Bincangkan kepentingan mempertahankan kemerdekaan negara.

KAD TUGASAN

4

Bincangkan program atau aktiviti yang boleh dijalankan oleh pelbagai pihak untuk mengekalkan kedaulatan negara.

KAD TUGASAN

5

Bincangkan cara meningkatkan perpaduan demi kedaulatan negara.

Apakah yang berlaku jika rakyat tidak dapat mempertahankan kedaulatan negara?

SEGEMEN SANTAI

7.5.2

7.5.3

7.5.5

Nota Guru

Galakkan murid untuk bersikap terbuka untuk menerima idea dan pandangan murid lain.

AKTIVITI PAK-21 Aktiviti Pembelajaran Berasaskan Projek

Anda dan rakan-rakan bercadang untuk mengadakan program Bulan Penghayatan Rukun Negara. Program tersebut bertujuan untuk memberikan kesedaran dan rasa tanggungjawab dalam kalangan murid untuk bersama-sama menghayati prinsip-prinsip Rukun Negara.

Langkah Pelaksanaan

1. Jalankan aktiviti ini secara berkumpulan.
2. Setiap kumpulan diberikan tugas yang perlu disiapkan.
3. Laksanakan program tersebut.
4. Rakamkan persediaan dan pelaksanaan program tersebut.
5. Rekodkan pengalaman anda melibatkan diri dalam aktiviti tersebut dengan menggunakan borang yang disediakan.
6. Bentang dan kongsi rakaman serta pengalaman anda bersama-sama rakan anda.

KUMPULAN

1

MEMPROMOSIKAN BULAN PENGHAYATAN RUKUN NEGARA

1. Hasilkan kain rentang yang mengandungi butiran seperti yang berikut:
 - (a) Tarikh, tempat dan masa.
 - (b) Aktiviti yang dijalankan.
2. Muat naik butiran program dalam laman web sekolah.

KUMPULAN

2

MENGURUSKAN PERTANDINGAN MELUKIS POSTER BERTEMAKAN NEGARAKU

1. Berbincang dengan guru tentang syarat-syarat dan kategori pertandingan.
2. Tentukan tarikh dan masa pertandingan.
3. Tema hendaklah menggambarkan jati diri, serta perkara murni dan positif yang dapat dijadikan teladan baik serta ikutan masyarakat.
4. Sediakan hadiah yang menarik.

KUMPULAN 3

MEWUJUDKAN DAN MENGHIAS SUDUT RUKUN NEGARA

1. Cari maklumat yang berkaitan dengan prinsip-prinsip Rukun Negara.
2. Cari gambar, keratan akhbar dan artikel tentang Rukun Negara.
3. Paparkan dan hiaskan maklumat secara kreatif di sudut yang disediakan.

KUMPULAN 4

MENGURUSKAN KUIZ RUKUN NEGARA

1. Bantu guru menjayakan kuiz Rukun Negara.
2. Edarkan soalan kuiz kepada peserta.
3. Kumpulkan kertas jawapan.
4. Serahkan kertas jawapan kepada guru.
5. Bantu guru menyediakan hadiah.

BORANG PROGRAM PENGHAYATAN RUKUN NEGARA

Rekodkan pengalaman anda melibatkan diri dalam aktiviti tersebut.

Nama: _____

Jantina: _____

Aktiviti: _____

Kebaikan yang diperoleh apabila saya melibatkan diri dalam aktiviti tersebut.

(a) Kebaikan kepada saya.

(b) Kebaikan kepada orang lain.

(c) Kebaikan kepada negara.

Perasaan saya apabila dapat melibatkan diri dalam aktiviti tersebut.

Cadangan projek yang akan saya dan rakan-rakan jalankan pada masa hadapan untuk memupuk kesedaran melaksanakan tanggungjawab mempertahankan kedaulatan negara.



Pada pemerhatian anda, adakah rakyat Malaysia menghayati prinsip-prinsip Rukun Negara dengan sepenuhnya? Bincangkan.

AKTIVITI **Pertandingan Lagu Patriotik Bertemakan Negara Berdaulat**

Langkah Pelaksanaan

1. Jalankan aktiviti secara berkumpulan.
2. Pilih satu lagu patriotik yang bertemakan negara berdaulat.
3. Pastikan lagu tersebut berbeza antara kumpulan.
4. Persembahkan lagu tersebut secara kreatif dan menarik.
5. Lantik seorang wakil kumpulan untuk menerangkan mesej yang terdapat dalam lagu tersebut.
 - Persembahan setiap kumpulan akan dinilai oleh juri yang dilantik oleh guru.
 - Pemenang ialah kumpulan yang mendapat markah paling tinggi.

Contoh lagu patriotik yang bertemakan negara berdaulat.

"Setia"

**"Sejahtera
Malaysia"**

**"Barisan
Kita"**

"Perwira"

**"Malaysia Oh
Tanah Airku"**

Contoh mesej yang boleh dipilih untuk lagu patriotik yang dinyanyikan.

**Negara kekal selamat
dan berdaulat.**

**Terus mencintai
dan menjaga negara.**

Sanggup menggadai nyawa.


**Memberikan khidmat
bakti kepada negara.**

Taat setia kepada raja-raja.

**Negara boleh terus
maju dan berjaya.**

**Berjuang untuk
mempertahankan negara.**

Lirik lagu patriotik “Sejahtera Malaysia”.



Sejahtera Malaysia

*Puji dan syukur pada Ilahi
Anugerahnya tiada terhingga
Kedamaian kemakmuran
Malaysiaku bahagia*

*Dengan tekad untuk berjaya
Berbakti pada nusa dan bangsa
Kami junjung cita-cita luhur
Perpaduan seluruh negeri*

Penulis lirik:
Ratih Dewi Hadi Ninggar
Indy Kurnia Budisetiawan
Mohamed bin Rahmat

Sumber: Badan Perlindungan Hak Cipta Pencipta Muzik Bhd. (MACP)

*Seia sekata sehati sejiwa
Menghadapi cabaran
Kami sedia kami setia
Berkorban untuk negara*

*Bersemarak Malaysia tercinta
Kibarkan panji kebesarannya
Kami rela menjaga namamu
Sejahtera Malaysia*

Imbas Saya



Video lagu
“Sejahtera Malaysia”
(capaian pada
19 September 2019)

Mesej Lagu “Sejahtera Malaysia”

Lagu “Sejahtera Malaysia” mengajak rakyat Malaysia bersyukur kerana negara kita aman dan makmur dan menyeru rakyat Malaysia hidup bersatu padu.

BORANG PENILAIAN PERTANDINGAN LAGU PATRIOTIK

Kumpulan	Suara	Persembahan	Kreativiti	Cara Perbentangan Mesej Lagu	Jumlah Markah
	25 Markah	25 Markah	25 Markah	25 Markah	100 Markah
1					
2					
3					
4					

- REFLEKSI
1. Apakah perasaan anda apabila melibatkan diri dalam pertandingan lagu patriotik bertemakan negara berdaulat? Mengapa?
 2. Bagaimanakah anda dapat membantu mengekalkan kedaulatan negara?

Bahagian A

1. Berdasarkan situasi yang diberikan, nyatakan tindakan anda untuk menunjukkan anda melaksanakan tanggungjawab memelihara kedaulatan negara.

SITUASI	TINDAKAN
a. Andaikan anda bersama-sama keluarga melancong ke negara lain. Semasa sedang menonton siaran berita di televisyen, anda mendapati stesen tersebut telah menyiarkan berita yang tidak benar tentang keadaan di Malaysia.	
b. Sekolah anda mengadakan pelbagai aktiviti menarik untuk memupuk perpaduan dalam kalangan murid yang pelbagai kaum bersempena dengan sambutan Hari Kebangsaan.	
c. Semasa anda berkomunikasi dengan kawan anda di Internet, anda dapati kawan anda menggunakan perkataan yang boleh menjejaskan keharmonian kaum.	
d. Anda ialah Pengerusi Kelab Rukun Negara di sekolah. Sekumpulan murid tidak mahu terlibat dalam aktiviti yang dianjurkan oleh kelab anda.	

2. Situasi berikut berlaku di sebuah sekolah.

Semasa perhimpunan, Mark dan beberapa orang murid telah ditahan oleh pengawas kerana bercakap-cakap semasa upacara menyanyikan lagu "Negeraku" dan tidak membaca ikrar Rukun Negara.

- (a) Wajarkah tindakan Mark dan beberapa orang murid tersebut? Berikan dua alasan.

(i) _____

(ii) _____

- (b) Tulis tiga nilai yang patut diamalkan oleh mereka.

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

- (c) Sekiranya anda guru disiplin, apakah yang patut anda lakukan supaya situasi di atas tidak berulang? Berikan dua jawapan.

(i) _____

(ii) _____

3. Rajah di bawah menunjukkan perbuatan yang boleh menjejaskan kedaulatan negara.

Menularkan berita yang mencemarkan nama negara melalui media sosial.

Memburuk-burukkan dasar kerajaan.

Melibatkan diri dalam anasir subversif.

(a) Bagaimanakah anda dapat membantu kerajaan membanteras perbuatan tersebut?

(b) Cadangkan aktiviti yang sesuai untuk mengekalkan kedaulatan negara dalam kehidupan harian.

(c) Terangkan perasaan anda apabila negara kita dalam keadaan aman dan kedaulatan negara dapat dipelihara.

Bahagian B (Esei)

1. Ucapan berikut berkaitan dengan keamanan negara kita.

Kita dapat hidup harmoni walaupun terdapat pelbagai kaum dan agama di negara ini. Malah, kita juga dapat meraikan semua perayaan bersama-sama dengan semangat persaudaraan dan perpaduan.



Adakah anda bersetuju dengan kandungan ucapan tersebut? Huraikan jawapan anda.

2. Maklumat berikut berkaitan dengan prinsip-prinsip Rukun Negara.



Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan cara anda mengamalkan prinsip-prinsip tersebut untuk mengekalkan kedaulatan negara.

GLOSARI

<i>abdi</i>	orang yang dimiliki oleh seseorang lain dan terpaksa melakukan apa-apa sahaja yang diperintahkan oleh tuannya
<i>agama</i>	kepercayaan kepada Tuhan dan sifat-sifat serta kekuasaan Tuhan dan penerimaan ajaran dan perintah-Nya
<i>amanah</i>	kepercayaan yang diletakkan pada seseorang
<i>aur</i>	pokok buluh, bambu
<i>berkat</i>	rahmat, restu
<i>dokumen</i>	sesuatu yang bertulis atau bercetak yang digunakan sebagai rekod atau bukti
<i>ganjaran</i>	hadiah untuk perbuatan baik
<i>gelojoh</i>	lahap, rakus, gopoh
<i>generasi</i>	kumpulan individu yang lahir pada waktu yang lebih kurang sama
<i>ikhlas</i>	hati suci, tidak menipu atau tidak berpura-pura
<i>ikrar</i>	janji yang sungguh-sungguh, janji yang disertai dengan sumpah, pengakuan
<i>prinsip</i>	asas atau dasar
<i>manual</i>	dilakukan atau dikendalikan dengan tangan
<i>maruah</i>	kehormatan, harga diri
<i>mesej</i>	pengajaran yang hendak disampaikan
<i>muflis</i>	tidak berupaya membayar hutang, bankrap
<i>nikmat</i>	anugerah, kurniaan
<i>objektif</i>	tidak dikuasai atau dipengaruhi oleh perasaan atau prasangka sendiri
<i>risalah</i>	surat edaran
<i>saksama</i>	tidak berat sebelah
<i>sensitif</i>	mudah tersinggung
<i>simulasi</i>	keadaan yang mirip kepada atau hampir dengan yang sebenarnya
<i>ziarah</i>	kunjungan, lawatan

SENARAI RUJUKAN

- Abdullah Zhidi Omar *et al.*, 2014. *Pengantar Pendidikan Moral*. Puchong Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Ahmad Marzuki Ismail. 2008. *Kurang Berdisiplin? Anda Boleh Mengubahnya*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015. *Pedagogi Bahasa Malaysia Abad 21*. Modul Kursus Peningkatan Profesionalisme Guru Bahasa Melayu.
- Fleetham, Mike, Charles, Roanne dan Sheppard, Kate, 2006. *Multiple Intelligences In Practice: Enhancing Self-Esteem and Learning in The Classroom*. Stafford: Network Continuum Education.
- Jabatan Pendidikan Selangor, 2013. *Buku Panduan Tatacara Disiplin Sekolah*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohamad Tarmize Abdul Manaf, 2014. *Nota Pencegahan Rasuah*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Masyarakat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

- Mohd Hasril Amiruddin dan Alias Masek, 2014. *Inovasi dalam Teknologi Pendidikan: Isu dan Cabaran*. Batu Pahat: Penerbit UTHM.
- Mohd Shahman Selamat. “Cabaran Pelajar Menyahut KBAT” dlm. Dewan Masyarakat, Disember 2015.
- Mok, Soon Sang, 2010. *Psikologi Pendidikan*. Puchong Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Nizar Parman, “Berfikiran Positif dan Matang” dlm. Dewan Siswa, November 2015.
- Razlie Silam, “Selamatkah Anak Kita?” dlm. Dewan Masyarakat, Oktober 2015.
- Rosinah Edinin, 2014. *Kemahiran Belajar*. Kuala Lumpur: Freeminds Horizons.
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, 2009. *Undang-undang Malaysia: Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)*. Kuala Lumpur: Pencetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, 2014, FAQ, Soalan Lazim. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Masyarakat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.
- Vishalache Balakrishnan, 2009. *Pendidikan Moral untuk Universiti dan Kolej*. Shah Alam: Arah Pendidikan Sdn. Bhd.
- Wan Hasmah Wan Mamat dan Nur Munirah Teoh Abdullah, 2013. *Kecerdasan Pelbagai*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Hasmah Wan Mamat dan Nur Munirah Teoh Abdullah, 2013. *Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Hasmah Wan Mamat dan Nur Munirah Teoh Abdullah, 2013. *Pembelajaran Aktif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Hasmah Wan Mamat dan Nur Munirah Teoh Abdullah, 2013. *Permainan dan Simulasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Hasmah Wan Mamat, Sangeetajit Kaur Jag Singh dan Chua Chu Tee, 2014. *Cabaran Remaja Membina Integriti Diri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

LAMAN WEB

- <http://ditaramayant.blogspot.my/2012/05/etika-komunikasi-menggunakan-media.html> (dicapai pada 6 Ogos 2019)
- <http://pengurusnetika.blogspot.my/> (dicapai pada 6 Ogos 2019)
- <http://psksksd.blogspot.my/2010/05/pesta-keamatan-perayaan-etnik-sabah.html>- (dicapai pada 6 Ogos 2019)
- <http://seputarduniaanak.blogspot.my/2011/11/cara-membuat-origami-bentuk-hati-heart.html> (dicapai pada 6 Ogos 2019)
- <http://www.infosihat.gov.my/infosihat/isusemasa/Bahaya%20Merokok.php> (dicapai pada 6 Ogos 2019)
- <http://www.pkki.org/> (dicapai pada 6 Ogos 2019)
- <http://www.salam.org.my/> (dicapai pada 6 Ogos 2019)
- <http://www.unicef.org/malaysia/> (dicapai pada 6 Ogos 2019)
- <http://www.yck.org.my/> (dicapai pada 6 Ogos 2019)
- https://ms.wikipedia.org/wiki/Gawai_Dayak (dicapai pada 6 Ogos 2019)
- www.lkdsb.net/program/.../Multiple%20Intelligences%20Checklist.pdf (dicapai pada 6 Ogos 2019)

ORANG SUMBER

- Pengarah Bahagian Kanak-kanak, Ibu Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat, Putrajaya.
- Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat, Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Putrajaya.
- Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Cawangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

INDEKS

- adat 86, 100
- adil 25, 26
- akhlak 14, 15, 16, 20
- akta 41
- amalan 2
- anugerah 61
- baik hati 63
- bekerjasama 85, 86, 87
- berdaulat 122
- berdikari 99, 111
- berhemah 45, 97
- berusaha 111
- bicara berirama 88, 89
- budaya 85, 86, 88, 90, 100
- dokumen 80, 81
- ekosistem 63, 70
- etika 16, 39, 98, 100, 104
- generasi 5
- gotong-royong 90, 91
- hak 77
- harga diri 15, 51
- harmoni 39, 75
- hemah tinggi 3, 15
- hormat 3, 75, 87
- identiti 110, 111
- ikhlas 51, 63
- integriti 49, 50, 53, 58, 59
- kajian 30, 31
- kasih sayang 27
- kaum 2, 110, 111
- kebebasan 75
- keberanian 27, 39
- kedaulatan 121, 122, 123
- kejujuran 15, 27, 39, 51
- kepercayaan 51, 63
- kederhanaan 3, 99
- kesejahteraan 63
- laman kreatif 91
- majmuk 86
- makhluk 14,
- maruah 21, 51
- masyarakat 2, 5, 15, 39
- media sosial 16, 17, 37
- multimedia 8, 77
- murah hati 63
- mutakhir 39
- norma 2, 3, 4, 5
- nyawa 61, 62, 63, 70
- palsu 38, 40, 47
- pantang larang 110
- patriotik 111, 128, 129
- patriotisme 39, 75, 111, 122
- pengundian 79
- perbincangan 4
- perlembagaan 122
- peta minda 6, 77
- peta pemikiran 6, 77
- pilihan raya 78, 79
- plagiat 39
- prinsip keadilan 26, 27
- rasional 3, 39, 99
- sahih 38, 39, 42
- simulasi 79
- sukarelawan 63
- suri teladan 51
- susila 2, 3
- tanggungjawab 15, 27, 51, 99
- temu bual 5
- toleransi 87, 94
- tradisional 117
- undang-undang 3, 74, 75
- unik 112, 113
- warganegara 73, 74, 75, 83
- warisan 111

Imbas Saya



Cadangan Jawapan
Laman Minda

Dengan ini, **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baiknya dan bertanggungjawab atas kehilangannya, serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

Skim Pinjaman Buku Teks			
Sekolah _____			
Tahun	Tingkatan	Nama Penerima	Tarikh Terima

Nombor Perolehan: _____

Tarikh Penerimaan: _____

BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL



RM16.00

ISBN 978-983-49-2524-6



9 789834 925246

FT534004